

بريتا
BERITA

PKINK



PENGERAK
PEMBANGUNAN
UMMAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

● PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN ●

● www.pkink.gov.my

AR-RAHIN
BANTU RAKYAT KELANTAN

3



LAWATAN PKINK KE UMK

7



GOLONGAN ARIMALAH
DIBANTU

10



SEMINAR PENGURUSAN
ORGANISASI KUMPULAN PKINK

19



PEJABATKU,
MIHRAB IBADATKU

33



KB BAZAR

BAKAL MUNCUL SEBAGAI
PUSAT ICT KELANTAN



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif

PENASIHAT

Hj. Mohamad Alwi b. Ya
*Timbalan Ketua Eksekutif
(Hal Ehwal Korporat)*

KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain
*Pen. Pengurus Sumber Manusia
(Perhubungan Korporat)*

SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh
Pn. Zakiah bt. Mohamed
Pn. Hawa bt. M.Salleh
Ramlie b. Hamzah

FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri
Kelantan
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu,
Kelantan
Tel: 09-7414141
Fax: 09-7414069

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



Selambar Amanat

Dari meja Ketua Editor

Alhamdulillah, pertama dan selamanya kita melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas pertemuan buat kesekian kalinya di dalam Berita PKINK bilangan 3/2009.


Bergerak dalam sebuah organisasi memerlukan satu sudut pandang yang luas dan tajam. Setiap individu sepatutnya mengkaji semula peristiwa lalu, keputusan yang pernah dibuat, projek-projek yang telah dilaksanakan, juga permasalahan-pemmasalahan yang pernah berbangkit. Lalu kesemuanya dihimpun dalam satu data yang padat. Tuntas kita akan mendapat suatu hipotesis. Dari situ lahirnya natijah dan zahirnya impak. Proses ini hanya akan berlaku jika wujudnya perbincangan dari masa ke semasa.

Dalam mencapai kematangan dalam pengurusan, setiap individu perlu menempuh beberapa proses yang sukar. Tidak kira seorang pengikut atau pemimpin dalam sesebuah organisasi, perbincangan perlu dibuat untuk menghasilkan natijah yang terbaik. Kita tidak boleh berdiri sendiri dan merasakan setiap keputusan kita adalah sempurna, malah masih banyak perkara yang perlu dicetus, dinilai dan disepakati.

Allah SWT berfirman dalam surah Asy-Syura ayat 38, mafhumnya : dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.

Dalam usaha memberi khidmat yang terbaik serta menghasilkan impak positif yang berganda, seluruh anggota seharusnya memahami peranan masing-masing dengan jelas. Mereka perlu menyelami realiti, memahami signifikan visi dan misi PKINK. Dengan kefahaman tersebut barulah kita mampu untuk membuat perbincangan dan merumuskan keputusan. Kita perlu meyakini bahawa keputusan melalui syura mengandungi hikmah dan keberkatan, juga akan mendapat keredhaan Allah. Jangan pula kita bertingkah, membangkang dan khilaf setelah keputusan dibuat. Kerana ia boleh mengganggu kelancaran pengurusan dan boleh memberi kesan buruk kepada organisasi kita sendiri.

Oleh yang demikian, kita perlu bersuara sebelum keputusan dibuat. Jangan pula kita bercakap di belakang selepas keputusan syura telah diputuskan. Kita perlu segera memberi cadangan membina jika ada sesuatu yang dirasakan tidak sesuai. Semua perkara lampau yang pernah dilalui atau disebut sebagai pengalaman perlu ditilik dan dikaji semula. Ini penting bagi tujuan membantu mencari kelemahan dan memperbaikinya di masa mendatang. Sikap seperti ini sepatutnya dibudayakan.

Atas sebab itu, semua pihak perlu belajar untuk berbincang dan bersikap terbuka. Mudah-mudahan akan lahirnya barakah dan kemakmuran dalam pengurusan PKINK. Sekaligus menjulang kita ke mercu kejayaan dunia dan akhirat. 

Sekian, terima kasih.

HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
PKINK*



Ar-Rahn Bantu Rakyat Kelantan

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

PERLAKSANAAN syiar Islam di Kelantan di bawah pentadbiran Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat rancak dilaksanakan oleh anak syarikat milik kerajaan yang diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bermula seawal tahun 1990 an.

Kerajaan Negeri sedar akan kesulitan yang dialami oleh rakyat Kelantan yang sering menjadikan Pajak Gadaai tempat untuk mendapatkan wang secara cepat dan mudah dengan menggadaikan barangan kemas dan terlibat dengan urusan riba.

Di atas kesedaran tersebut, PKINK melalui anak syarikatnya Permodalan Kelantan Berhad (PKB) pada tahun 1992 telah menubuhkan sebuah Pajak Gadaai berlandaskan syariat yang dikenali dengan nama Ar-Rahn Sistem Gadaian Islam yang pertama di kawasan Pasar Pohon P rang di tengah pusat Bandar Kota Bharu.

Selepas itu ia telah berpindah ke Jalan Temenggong, selernya melebarkan cawangan ke seluruh negeri Kelantan.

Kini Ar-Rahn mempunyai hampir 90 kakitangan yang diketuai oleh Pengurus Kanan Operasi Encik Azly Othman, telah berjaya membawa masyarakat Kelantan dan luar negeri keluar dar cengkaman riba untuk mendapatkan wang dengan mudah dan cepat melalui gadaian barangan kemas mereka.

Ar-Rahn merupakan usaha murni PKB dengan bermatlamat memberi peluang bermuamalah berlandaskan syariat kepada masyarakat Kelantan. Ar-Rahn kini menjadikan pilihan utama kepada umat Islam yang mementingkan aspek halal di dalam urusniaga.

Dengan berkonsepkan Keadilan, Ketelusan dan Mudah serta Cepat telah menjadikan Ar-Rahn berkembang pesat di seluruh negeri dan mampu menubuhkan cawangan di luar negeri Kelantan.

Kini Ar-Rahn memiliki 22 buah cawangan iaitu sebelas di Kelantan, merangkumi 2 cawangan di Kota Bharu, setiap satu di Tanah Merah, Rantau Panjang, Pasir Mas, Jelawat, Machang, Wakaf Bharu, Guchil, Wakaf Che Yeh dan Gua Musang, manakala di luar Kelantan pula ialah di Jalan Raja Laut (Kuala Lumpur), Kajang, Rawang, Kangar, Alor Star, Raub, Sungai Petani, Temer oh, Bentong, Kuantan dan Bayan Baru.

Menurut Penolong Pengurus Pentadbiran PKB, Hassar Shukri Hussein, Ar-Rahn mempunyai beberapa ciri keistimewaan tersendiri iaitu satu sistem yang mematuhi syariat Islam, Adil, telus, Mudah dan Cepat, hutang acalah tanpa riba, mengenakan kadar upah simpan yang berpatutan, penggadai akan dimaklumkan sebelum barangan gadaian dilelong dan boleh dirunding serta penggadai diberi jaminan mendapat kembali baki harga lelong dengan adil dan saksama.



Di samping itu, Ar-Rahn selain sebagai tempat menerima gadaian emas, turut dijadikan sebagai pusat penjualan Dinar Emas dan kini ia hanya tertumpu di Ar-Rahn di Kelantan sahaja.

Menyentuh kategori penggadai, Hassan Shukri berkata masyarakat Melayu adalah penggadai utama diikuti dengan masyarakat India dan lain-lain kaum.

"Ini menggambarkan masyarakat Melayu adalah mereka yang suka melibatkan diri dalam urusniaga terutamanya wanita dan mereka menjadikan Ar-Rahn sebagai tempat mendapatkan wang segera kerana untuk mendapatkan pinjaman dari bank-bank perdagangan mengambil masa yang lama dan terlalu banyak syarat yang dikenakan," kata beliau lagi. Kebanyakan mereka yang berurusniaga dengan Ar-Rahn adalah golongan peniaga yang ingin mendapatkan modal pusingan bagi perniagaan mereka.

Operasi Ar-Rahn di seluruh Kelantan dan Kedah adalah selama lima hari seminggu iaitu Ahad hingga Khamis, manakala di Selangor, Wilayah Persekutuan, Perlis, Pahang dan Pulau Pinang adalah hari Isnin hingga Jumaat.

Dengan berlandaskan konsep Mencari Yang Halal Itu Wajib Bagi Orang Islam, Ar-Rahn akan melangkah ke tahun 2010 dengan menubuhkan cawangan baru iaitu di Jeli dan Kok Lanas di Kelantan serta di Sentul Kuala Lumpur sebagai memenuhi aspirasi kerajaan negeri dan dasar Membangun Bersama Islam.



KB Bazar

Bakal Muncul Sebagai Pusat ICT Kelantan

KOTA BHARU: Dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang ICT (Information and Communication Technologies) di Kelantan khususnya dan di negara ini amnya selain menjamin perkembangannya secara menyeluruh, Pusat Inkubator ICT Negeri diwujudkan. Perkembangannya bukan hanya berlogar di sekitar Cyber Jaya atau di Putrajaya saja, bahkan mampu menggarap harapan ummah sejagat terutama peniaga dan usahawan ICT.

Usahawan ICT dan peniaga yang mempunyai asas dalam bidang berkaitan akan terus dibantu, dipantau dan dibimbing untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Pengurus Pusat Inkubator ICT Negeri, Ridzuan S dek berkata Kelantan adalah antara negeri di Malaysia yang mewujudkan Pusat Inkubator ICT selain Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Kedah.

"Cetusan penubuhan Pusat ini berasaskan usaha perluasan dijalankan pihak Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor) (MSC) sebagai program ke arah pelebaran teknologi maklumat secara menyeluruh di Malaysia.

"MSC Malaysia rollout ke state, justeru Kelantan adalah antara negeri yang terpilih dan terbaru selepas Perak, Pulau Pinang, Melaka dan Kedah.

"Dalam pengendaliannya, Pusat Inkubator ICT ini tertakluk kepada Akta Syarikat, dan perlu berdaftar sebagai satu entiti perniagaan sebuah syarikat. Diuruskan dalam masa sebulan daripada tarikh Pusat Inkubator ICT Negeri mendapat status MSC, dan sekarang ini kita masih menunggu status itu. Dan untuk itu,

pada bulan lepas kita sudah membuat permohonan.

"Pada dasarnya, pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dah bersetuju, cuma sekarang ini tunggu status itu dan kita boleh mendaftar (selewatnya sebulan selepas daripada itu)," katanya sambil menjelaskan bahawa Pusat Inkubator ICT Negeri dikawal selia oleh MDeC, manakala belanjawan utama (*capital expenditure*), dikeluarkan oleh Infraquest, sebuah anak syarikat PKINK," katanya.

Menurutnya, pengurusan Pusat ini dikendalikan PKINK, dan selepas itu apabila Pusat Inkubator ICT Negeri menjadi entiti sendiri, ianya perlu mencari duit sendiri, bahkan sebagai entiti perniagaan, ia harus hidup sendiri.

Hardware yang dibekalkan MDeC kepada Pusat ini bernilai RM250 ribu, yang kini sejak dua bulan yang lalu sudah pun 'setup'. Barang tersebut bukan disewa beli tetapi sebagai grant daripada MDeC bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan teknologi ICT dan ini adalah pertama di negeri ini.

"Perbincangan pihak terbabit mengenai penubuhan Pusat Inkubator ICT Negeri bermula sejak 2008, manakala pengurusan asas Pusat ini dijalankan pada Jun 2009 dan premis operasinya di Tingkat 2 KB Bazaar (bersebelahan KB Mall), selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan pusat perniagaan yang sedia ada di situ berkemajuan maju, selain memberi nafas baru kepada pergerakan perniagaan di KB Bazaar itu sendiri di samping menjenamakan KB Bazaar itu sebagai 'pusat ICT' di negeri ini," katanya.



Ridzuan berkata, dalam konteks Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) agensi yang wajar mengendalikannya pada peringkat awal khususnya bagi mempertingkatkan perkembangan prestasi ekonomi searas dengan hasrat Kerajaan Negeri dan pihak Multimedia Development Corporation (MDeC), bahkan antara matlamat Kerajaan Negeri ialah untuk menjadikan kawasan itu sebagai active centre.

Menurutnya, adalah menjadi harapan supaya KB Bazaar itu tidak diibarat sebagai hidup segan, mati tidak mau dalam operasi perniagaan yang ada di situ dan dalam usaha memulihkannya, usaha dilakukan, terutama bagi menjenamakan KB Bazaar sebagai Pusat ICT khususnya apabila di situ sudah sedia ada Daru Digital (DD), selaras dengan hasrat pihak Kerajaan Negeri untuk menjadikan KB Bazaar sebagai Pusat ICT di Kelantan.

Mengulas perkembangan terbaru Pusat Inkubator ICT Negeri, beliau berkata dari perbincangan mutakhir bahawa Persatuan Industr Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) menyatakan hasratnya untuk menempah sebanyak 37 lot.

Sementara itu, mesyuarat bulanan dengan inkubatee akan diadakan di mana inkubatee akan menjadi graduan lepasan Pusat Inkubator ICT ini selepas dua tahun. Kemudian mereka diganti dengan peserta baru, namun bagi mereka yang masih berada di Pusat itu akan dibimbing dan dipantau segala kegiatan bisnesnya di samping membuat laporan kepada MDeC.

Menurutnya, terdapat dua kategori di Pusat Inkubator ICT untuk peserta iaitu Technology Lab dan Commercial Lot.

"Mereka boleh mengguna komputer percuma selain dari Internet percuma. Bilik Mesyuarat juga percuma, dan khidmat nasihat pun secara percuma melainkan kalau ada yang spesifik, maka ianya perlu dikenakan bayaran tertentu.

"Terdapat tiga makmal di Pusat ini membabitkan 20 buah komputer, dan peserta boleh menggunakannya secara percuma. Penggunaan dan penyertaan dalam Technology Lab ialah dari mereka yang mempunyai idea untuk dikembangkan. Syaratnya mereka mesti ada idea dan apakah projek hendak dibuat.

"Jadi mereka berada di Pusat ini untuk *develop idea*, dan bukan bergerak sebagai Cyber Cafe, bahkan khusus untuk pengembangan. Kini baru ada satu permohonan dari peserta

untuk menggunakan Teknologi Lab itu di mana Teknologi Lab itu ialah untuk prototaip, maknanya benda yang tidak ada lagi, tetapi peserta baru nak buat dan berada di Pusat

Inkubator itu untuk buat, itu maksudnya, tetapi kalau projek dah ada, itu lain cerita.

"Kita ada satu komponen lagi yang dipanggil 'Commercial Lot'. Kini terdapat sebanyak 16 lot di Pusat ini. Kesemua lot itu diberi sewa kepada peserta dengan kadar RM300 untuk satu lot bagi satu bulan, namun pada tiga bulan pertama diberi percuma.

"Peserta yang masuk pada program 'Commercial Lot' itu adalah sebenarnya untuk *genre income* kepada Pusat Inkubator ICT berdasarkan kelulusan oleh pusat ini. Ertinya, Pusat Inkubator ICT mesti memilih siapakah yang layak menyertainya.

"Kini kita dah ada 14 permohonan yang akan kita pilih. Antaranya dari mereka yang sudah pun 'hebat' dalam kerjanya sebagai usahawan. Contohnya dari mereka yang dah terbabit dalam pembuatan sistem, mereka yang buat laman web, yang membuat kaedah pembelajaran Bahasa Arab - yang akan menandatangani satu *agreement* dengan sebuah pusat perny aran di Malaysia dalam masa terdekat.

"Pusat ini adalah sebagai satu tempat di mana diibaratkan 'baby' yang masih lemah dan apabila besar dan kuat, mereka boleh keluar dari Pusat Inkubator ICT ini.

"Ada pun kumpulan sasarnya, kita mahukan sesiapa saja tanpa mengira sama ada mereka itu graduan pusat pengajian tinggi (IPTA/IPTS), bakal graduan atau usahawan yang ada idea berkaitan ICT yang boleh dikembangkan dan boleh dikomersialkan. Itu saja syaratnya dan mereka yang berjaya disediakan bantuan daripada pihak kerajaan.

"Bahkan mereka yang berjaya masuk ke Pusat Inkubator ICT dan berpeluang dipertimbangkan untuk mendapat geran kerajaan sebagai *refund* termasuk *refund* sebanyak RM150,000 - mereka ada idea, buat kertas kerja, isi borang permohonan kemudian hantarkan kepada MDeC, manakala MDeC pula akan membuat penilaiannya.

"Selain itu, bagi mereka yang layak dan terpilih, kerajaan akan mempertimbangkan pemberian geran sebanyak RM150,000 bagi mereka membuat prototaip (contoh asli di mana daripadanya maka model selanjutnya akan direkapi), kemudian akan komersialkan. Seterusnya, jika masih mempunyai idea lagi, mereka layak dipertimbangkan geran dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan mereka yang berjaya akan dipertimbangkan untuk mendapat bantuan skim 'Baucher Capital' dari MDeC, insya Allah. Jadi mereka yang berada di Pusat Inkubator mempunyai banyak peluang," katanya sambil menambah bahawa menerusi program The MSC Malaysia Integrated Content Development Programme (ICON) menawarkan geran sehingga RM100,000 untuk peserta yang layak.



"Mereka boleh mengguna komputer percuma selain dari Internet percuma. Bilik Mesyuarat juga percuma, dan khidmat nasihat pun secara percuma melainkan kalau ada yang spesifik, maka ianya perlu dikenakan bayaran tertentu."

- Ridzuan Sidek,
Pengurus Pusat Inkubator ICT Negeri



Mengenai peralatan, beliau berkata Pusat Inkubator ICT ini mempunyai tujuh server yang dibekalkan MDeC. Pusat juga Mempunyai HP Server dan juga Sun Server - *operating system* untuk teknologi yang berlainan di mana Sun itu digunakan Java System Web Server, manakala HP untuk Upper Sus - Upper Sus ialah *technology development*.

Makmal Pusat ini mempunyai 20 unit komputer yang dibekalkan MDeC, selain dari *printer* dengan (bakal) peserta sekarang seramai 14 permohonan untuk komersial lot - caripada 16 kekosongan, dan berbaki dua kekosongan.

Mengenai khidmat pembangunan usahawan, Pusat ini membantu peserta dari segi pemasaran produk dan juga pengurusan serta bantuan lain dari aspek untuk mendapatkan projek kepada peserta.

"Kita akan cuba mendapatkan projek atas nama Pusat Inkubator ICT ini dan diserahkan kepada peserta berkenaan di samping projek yang peserta itu car sendiri. Mereka juga boleh menjadi rakan kongsi Pusat Inkubator ICT.

"Pusat ini kini dalam proses usahasama dengan satu syarikat bagi membuat animas, yang kini sudah pun *produce animation*. Peserta berkenaan dan buat animasi dan dah disiarkan di televisyen. Kini dalam proses unuk membuat projek baru di mana beliau datang

untuk bekerjasama dengan Pusat Inkubator ICT ini.

"Terdapat juga individu yang memohon masuk ke Pusat ini dari mereka yang dah buat projek animasi secara sendiri dan juga dah buat animasi untuk siaran televisyen.

"Dan dalam perancangan Pusat ini, kita tawarkan untuk Projek E-Commerce seperti membuat laman web, *commerce* dan programming inkubatee yang ada, dan inkubatee yang masuk ke Pusat ini sekarang, salah seorang darinya

"Kita mahu Kelantan (Pusat ini) menjadi semacam *centre* di mana apa yang dikehendaki ialah berada di Kelantan, dan kita hendak buktikan bahawa walau pun kita berada di Kelantan tetapi kita boleh 'bergerak' keluar, insyaAllah,"

di mana produknya sedang digunapakai secara meluas oleh sebuah perbadanan komunikasi di samping banyak lagi produk lain yang beliau dah buat, namun disebabkan beliau bekerja secara individu maka usahanya itu seolah-olah tidak sampai ke mana.

"Oleh itu kini kita minta beliau berada bersama Pusat ini dan kita akan bantu beliau untuk menjadi usahawan yang berjaya setelah bergerak secara individu tanpa mempunyai syarikat sendiri, insya Allah," katanya sambil menjelaskan bahawa proses perancangan sedang dilakukan bersama inkubatee untuk melahirkan sesuatu yang boleh menjadi kebanggaan untuk negeri ini iaitu Payment Gateway - Islamic Payment Gateway yang kini dilihat masyarakat Islam di negara ini menggunakan Payment Gateway yang mensasarkan kepada umat Islam umumnya.

"Dari segi *programming*, banyak

yang telah dibuat. Selain dari itu, peserta yang telah mencipta Digital Al-Quran kini menyertai Pusat ini, berasal dari Kelantan. Juga berada di Pusat ini mereka yang buat *word processes* sendiri dan golongan seperti inilah yang mahu dibentuk menjadi usahawan.

"Kita mahu Kelantan (Pusat ini) menjadi semacam *centre* di mana apa yang dikehendaki ialah berada di Kelantan, dan kita hendak buktikan bahawa walau pun kita berada di Kelantan tetapi kita boleh 'bergerak' keluar, insya Allah," katanya sambil menjelaskan bahawa inkubatee yang berada dua tahun di Pusat ini, apabila mereka menjadi graduan, mereka akan dijadikan Alumni. Mereka pula membantu peserta baru," katanya dan menjelaskan sehingga ini pengambilan peserta dibuat secara mengadakan promosi di mana Oktober baru-baru ini program promosi dan program pendedahan mengenai ICI dibuat di Kelantan Irace Centre (KIC) di sini.

Selain dari itu, kata Ridzuan, Pusat Inkubator ICT ini juga mengadakan promosi di Kolej Teknologi Darulnaim, Pengkalan Chepa dan dalam proses untuk mengadakan promosi di IPIA/IPIS di negeri ini.

Pada masa ini, Pusat ini dikendalikan pihak PKINK di mana Pengurusnya Ridzuan Sidek. Penolong Pengurus Nurhaida Samad dengan dibantu (akan diambil bertugas) seorang Juruteknik, seorang Pembantu Iadbir dan dua orang kakitangan sokongan.

Menurut Ridzuan, perasmian Pusat Inkubator ICI Negeri dijangka dilakukan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dalam masa terdekat atau pada penghujung Januari 2010.





Lawatan PKINK ke UMK

KOTA BHARU - 19 Ogos 2009. Perbadanan Kemajuan Iktisac Negeri Kelantan (PKINK) yang diketuai Ketua Eksekutif bersama pegawai-pegawai kanan PKINK telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 19 Ogos lalu. Lawatan ini bertujuan menjalin hubungan akrab di antara PKINK dan UMK terutama meneroka peluang-peluang bersama bagi mewujudkan kerjasama dalam aspek-aspek pendidikan, pembangunan sumber manusia, pembangunan keusahawanan dan peluang perniagaan.

Rombongan PKINK telah disambut oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal b. Mohamed dan Dekan, serta kakitangan UMK. Dalam taklimat ringkasnya, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal menyatakan UMK adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-19 di Malaysia dan ditubuhkan pada 14 Jun 2006. Objektif khusus UMK adalah untuk meneroka, membangun pendidikan keusahawanan merentasi kesemua kurikulum pengajian dan mengembangkan ilmu pengetahuan yang berteraskan keusahawanan dalam bidang-bidang seperti perniagaan, warisan, teknologi kreatif dan sains sumber asli menerusi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti dengan memanfaatkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sepenuhnya. UMK sekarang beroperasi di kampus sementara yang terletak di Tamar Bendahara Pengkalan Chepa dan di Institut Perguruan Kota Bharu. Kampus tetap akan dibina di Bachok dan Jeli.

UMK menawarkan program pengajian seperti Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dan Fakulti Perubatan Veterinar. UMK juga menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kolej kediaman pelajar, makmal komputer/sains,



perpustakaan, kemudahan am & rekreasi, bantuan kewangan, pusat kaunseling, gelanggang & aktiviti sukan, bank dan kegiatan ko-kurikulum.

PKINK dalam taklimat ringkasnya menawarkan kemudahan kompleks kediaman yang akan dimajukan di bandar Bachok, kira-kira 8 km dari cadangan tapak UMK, perumahan di Tangok berhampiran dengan tapak cadangan UMK dan perumahan di Jeli, yang berhampiran dengan kampus ke dua UMK di Jeli. PKINK akan memberi keutamaan kepada anggota UMK dan jika perlu PKINK bersedia menyediakan kemudahan tersebut untuk dijadikan sebagai kediaman pelajar. Dengan lawatan ini PKINK berharap satu kerjasama yang berpanjangan antara kedua agensi tersebut akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa.



ICU Lawat Projek Medan Ikan Bakar Kg Siti Mani, Kedai Buluh



SATU lawatan ketapak Projek Medan Ikan Bakar kampung Siti Mani, Kedai Buluh oleh pihak Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, telah diadakan pada 15 hb Oktober, 2009 jam 11.00 pagi.

Wakil ICU yang hadir untuk lawatan tersebut ialah Cik Norfiza bt Azmi. Beliau diiringi oleh 3 pegawai dari Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan iaitu Er Azuar Shahnaz b. Abd Aziz, En Mohamad Hafiz b. Husain serta Puan Rohaya Bt Yusoff.

Rombongan mereka disambut oleh 10 orang wakil PKINK yang terdiri dari pengurus

dan pegawai dari Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Pembangunan Usahawan, Bahagian Projek & Hartanah, Bahagian Khidmat Teknikal dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

Tujuan lawatan diadakan bagi melihat dan menilai status kemajuan projek tersebut, yang mendapat peruntukan Kerajaan Pusat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Pegawai ICU JPM dan JPP Negeri Kelantan berpuas hati dengan status kemajuan terkini apabila mengambilkira kesulitan kerja yang terpaksa dilakukan akibat faktor cuaca dan kenaikan kos bahan binaan di peringkat awal pelaksanaannya.



Majlis Iftor & Infaq

Bantu Institusi Tarbiah

DEMI meneruskan misi korporat dan tanggungjawab sosial, pihak Pengurusan Sumber Manusia (PSM) PKINK telah menyusun program 'Iftor & Infaq' melibatkan dua buah institusi tarbiah sepanjang bulan Ramadhan al-Mubarak. Menerusi perbincangan dengan pihak Ketua Eksekutif, PSM telah memilih Institut Pendidikan Tahfiz Al-Balaghul Mubin di Pasir Mas dan Baitu Taubah di Pasir Puteh sebagai penerima sumbangan.


Institut Pendidikan Tahfiz al-Balaghul Mubin adalah satu pusat tarbiah bagi kanak-kanak dan remaja yang ingin menghafaz al-Quran. Pendidikan di situ sepenuhnya menjurus kepada hafazan al-Quran. Manakala Baitu Taubah adalah sebuah institusi yang diasaskan oleh kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu penagih dadah yang mahu kembali ke



pangkal jalan menerusi rawatan rohani dan keagamaan.

Kedua-dua institusi tersebut menerima sumbangan dalam dua majlis berasingan. Majlis pertama telah diadakan pada 2 September 2009 bersamaan 12 Ramadhan, di Institut Pendidikan Tahfiz al-Balaghul Mubin, Pasir Mas. Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), IR Mustafa bin Salleh telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM3 ribu dan 100 kotak kurma kepada Mudir Institut. IR Mustafa Salleh sewaktu berucap menyatakan betapa pentingnya warga korporat menyalurkan sumbangan kepada institusi tarbiah demi

membina generasi pejuang Islam pada masa akan datang.


Pada 10 September bersamaan 20 Ramadhan, Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri bin Abdullah telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM3 ribu dan 50 kotak kurma kepada pengerusi Baitu Taubah, Haji Ubaidah Yaakub. Ketua Eksekutif menyatakan bahawa sumbangan ini adalah sebagai satu permulaan sebelum menyusul beberapa sumbangan besar yang lain pada masa mendatang. Turut hadir ialah Pengurus Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Haji Mohd Adlan bin Mat Jusoh. 





Kumpulan PKINK Sumbang RM408,000 Kepada Tabung Serambi Mekah

AKAUN Amanah Kebajikan Darulnaim (Tabung Serambi Mekah) telah mengadakan Majlis Pelancaran Kutipan Derma sempena ulang tahun penubuhan Tabung Serambi Mekah pada 26 Syawal 1430 bersamaan 15 Oktober 2009 yang lalu di Balai Islam Lundang, Kota Bharu. Majlis telah dilancarkan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abd Aziz Nik Mat.

Bagi pihak kumpulan PKINK, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), Ir. Mustafa b. Saleh telah hadir ke majlis pelancaran tersebut mewakili Ketua Eksekutif. Pada tahun ini, Kumpulan PKINK telah menyumbang sebanyak RM 408,000.00 kepada Tabung Serambi Mekah. Majlis penyerahan telah dilakukan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) kepada YAB Tuan Guru Dato Menteri Besar Kelantan bertempat di Balai Islam Lundang, Kota Bharu. 




Sumbangan PKINK Kepada Balu Pesara PKINK dan Anggota



SEBAGAIMANA tahun-tahun yang lalu, PKINK telah menyampaikan sedikit sumbangan kepada balu-balu pesara PKINK dan juga anggota PKINK yang mempunyai anak OKU bagi meringankan beban mereka. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif kepada 6 orang balu pesara dan 8 orang anggota PKINK.

Sumbangan ini merupakan sebagai tanda keprihatinan pihak PKINK kepada golongan yang memerlukan terutama dari kalangan warga kerja PKINK sendiri.

Ketua Eksekutif PKINK dalam ucapan aluannya menyeru seluruh anggota PKINK agar meningkatkan amalan kebajikan terutamanya bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan terutama menjelang Syawal yang akan tiba nanti. Beliau berkata, sebagai tanda kesyukuran kita di atas nikmat pemberian Allah SWT kita perlu berkongsi dan mengagihkan kepada golongan yang kurang bemaslahat. 



Golongan Armalah Dibantu

RAMADHAN adalah bulan yang sangat dinanti oleh seluruh umat Islam. Di Kelantan, bulan Ramadhan disambut dengan pengisian pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan-Jabatan dan agensi Kerajaan, masjid-masjid dan juga pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Antara program yang disusun oleh Kerajaan Negeri Kelantan ialah dengan mewujudkan Qaryah Ramadhan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Kota Bharu. Sebagaimana tahun lepas, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB BRI) telah bertindak selaku urusetia kepada program Ihya Ramadhan yang telah disusun di Qaryah Ramadhan sepanjang sebulan. MPKB BRI turut mendapat kerjasama bagi menjayakan program-program yang disusun di Qaryah Ramadhan daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Qaryah Ramadhan pada kali ini menyediakan khemah solat terawih berhawa dingin yang lebih besar dan juga jamuan berbuka puasa sepanjang hari bermula 1 Ramadhan. Kemudahan ini bukan sahaja untuk rakyat Kelantan tetapi untuk menyambut tetamu dari luar Kelantan yang mengambil peluang menunaikan ibadah puasa Ramadhan dan beribadat di negeri Kelantan.


Antara program yang disusun ialah tazkirah pada setiap malam, forum perdana, ceramah khas dan juga penyampaian bantuan kepada golongan fakir miskin dan armalah.

Pada tahun ini PKINK turut menyumbang sebanyak RM30,000



untuk disampaikan kepada golongan armalah yang memerlukan. Seramai 300 orang armalah (ibu tunggal) menerima sumbangan sebanyak RM100 setiap seorang bagi meringankan beban terutama sebagai persediaan untuk menyambut Hari Raya.

Sumbangan PKINK telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif, Hj Mohd Sabri Abucillah dalam satu majlis yang diadakan di khemah terawih, Qaryah Ramadhan pada 24 Ramadhan/14 September yang lalu.


Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Hj Takiyuddin Hassan, Ahli-ahli Majlis MPKB BRI, Pegawai-pegawai MPKB BRI dan juga PKINK. 

Adik Nik Nur Madihah Terima Rumah

KOTA BHARU, 17 Ogos 2009 - Pelajar cemerlang SPM 2008 adik Nik Nur Madihah Nik Mohamad Kamal, yang telah mendapat 20A (19 A1 dan 1 A2), dari sekolah Maahad Muhammadiyah Perempuan, Kota Bharu telah menerima sumbangan hadiah sebuah rumah bernilai RM130,000.00 dari Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Pembinaan rumah tersebut telah disempurnakan oleh anak syarikat PKINK, Binaraya PKINK Sdn Bhd dan Profil Impian Sdn Bhd.

Sumbangan ini adalah hasrat YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan bagi menghargai pelajar contoh yang telah menjadi kebanggaan kepada Kerajaan

Negeri dan rakyat Kelantan. Kejayaan ini merupakan rekod kedua apabila pelajar sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) muncul sebagai pelajar terbaik SPM di peringkat nasional.

Projek CSR (*Corporate Social Responsibility*) Kumpulan PKINK ini berupa sebuah rumah banglo satu tingkat di atas tanah seluas 2,600 kaki persegi di Lot 1352, Taman Kurnia Jaya, Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Keluasan lantai rumah ialah 800 kaki persegi. Majlis penyerahan kunci rumah tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, YB Dato' Hj. Mohamad Amar b. Nik Abdullah. 





Ahli Yang Berhormat Dewan Perwakilan Aceh Lawat PKINK

KOTA BHARU, 16 Ogos 2009 - Seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat Dewan Perwakilan Rakyat Aceh telah mengunjungi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 16 Ogos lalu. PKINK menjadi salah satu agensi yang menjadi pilihan semasa rangka lawatannya ke negeri Kelantan yang bermula 14 hingga 18 Ogos 2009. Tujuan utama lawatannya ke PKINK adalah untuk menimba pengetahuan mengenai peranan PKINK sebagai penggerak ekonomi di negeri Kelantan terutama penglibatan PKINK dalam program-program pembangunan usahawan wanita Kelantan.

Rombongan tersebut diketuai oleh Mohammad Faisal Amin Hasyim dengan anggota rombongan yang turut disertai oleh Encik Mahyaruddin, Encik Aminuddin Sangkut, Encik Rasyidin Abdullah, Encik Yunardi Natsir, Teuku Iskandar Zulkarnen, Encik A. Hamid Zain, Encik Mahyar, Encik



Arifuddin, Encik Arifin Ibrahim serta empat orang perwakilan wanita iaitu Ismaniar, Abu Bakar Mizan, Rita Indahyanti Muhammad Munawar, Nurdahri Ibrahim Nain dan Nevi Arani. Rombongan mewakili pelbagai parti politik di Indonesia.

Rombongan telah disambut oleh Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), Pengurus-Pengurus



Bahagian dan Pegawai-Pegawai PKINK. Taklimat PKINK telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) yang mewakili Ketua Eksekutif PKINK.

Rombongan juga telah diberi taklimat oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK) mengenai Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam No. 6 2002, Negeri Kelantan.

PKINK Terima Kunjungan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah



SERAMAI 13 orang pegawai dari Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah telah mengadakan lawatan singkat ke PKINK pada 16 Syawal / 5 Oktober lalu diketuai Pegawai Kewangan, En. Mustafar bin Ahmad. Lawatan tersebut turut disertai Pengurus Bahagian Kewangan PKNK, Hj Zamri b. Mahmood dan pegawai-pegawai PKNK.

Rombongan PKNK telah disambut oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), Hj Mohamad Alwi Ya dan Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK. Satu taklimat ringkas mengenai PKINK oleh Bahagian Perancangan Korporat telah diadakan dan majlis telah diakhiri dengan sesi dialog di antara kedua belah pihak.

Turut berucap dalam majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif PKINK dan Pegawai Kewangan PKNK. Rombongan turut mengambil kesempatan melawat Pusat Pengeluaran Makanan Halal di Pengkalan Chepa bagi melihat lebih dekat operasi pusat tersebut yang diuruskan oleh PKINK.



Hari Peladang, Penternak & Nelayan Kebangsaan

HARI PELADANG, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan tahun ini telah diadakan pada 10 hingga 16 Ogos 2009 di MITC, Air Keroh Melaka. Sebagaimana biasa, negeri Kelantan tidak ketinggalan menyertai pameran dan eskpo sempena hari peladang tersebut.


Konsep Pavillion Kelantan pada tahun ini menampilkan penglibatan usahawan Kelantan dalam sektor pertanian dan industri asas tani iaitu usahawan yang mendapat bimbingan dari agensi-agensi Kerajaan seperti Mardi, Jabatan Pertanian, LKIM, Jabatan Perikanan, PKINK dan Kelantan Biotech. Tema sambutan ialah Pertanian menjana ekonomi negara dan pavillion Kelantan turut tampil dengan tema "Bertani Satu Ibadah".

Bagi PKINK, anak syarikat Kumpulan

Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) iaitu Murni Marketing Sdn Bhd turut serta dalam pameran dan eskpo pada kali dengan promosi dan jualan produk berasaskan roselle iaitu jus minuman roselle dan halwa roselle. Sepanjang seminggu ekspo Hari Peladang berlangsung, Pavillion Kelantan ternyata mendapat sambutan menggalakkan terutama pada hari perasmian dan hari cuti hujung minggu. Sambutan terhadap produk jus roselle juga begitu memberangsangkan.

Pavillion Kelantan turut dilawati oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharum dan Exco Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Negeri Kelantan, Che Abdulah Mat Nawi.



Majlis sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan kali ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyidin Yassin pada 13 Ogos 2009 di MITC Air Keroh, Melaka. 

PKINK Sertai Pameran Kenali Kelantan di Negeri Sembilan

KERAJAAN Negeri Kelantan melalui Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan Pameran Kenali Kelantan dengan tema Kelantan Dinamik dan Harmoni di Port Dickson Negeri Sembilan pada 3 hingga 11 Oktober yang lalu.

Pameran tersebut bertujuan untuk memperkenalkan negeri Kelantan dan memberi pendedahan kepada penduduk luar negeri Kelantan mengenai perubahan-perubahan yang telah dilakukan di Kelantan sejak tahun 1990 sehingga sekarang di bawah dasar Membangun Bersama Islam.

Pameran Kenali Kelantan ini merupakan julung kali diadakan dan ia merupakan program pertama Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun ini untuk memberi pendedahan dan memperkenalkan negeri Kelantan dengan lebih dekat kepada rakyat luar negeri Kelantan. Program ini diharap dapat



menjawab pelbagai isu yang dibangkitkan mengenai Kelantan terutamanya isu-isu yang berkaitan pembangunan, pendidikan dan ekonomi.

Antara yang dipamerkan oleh PKINK ialah Pembangunan Bandar, Projek Perumahan Tiga Bilik, Program Pembangunan Ladang Rakyat melalui Syarikat Ladang Sungai Terah, Pajak Gadaai Islam Ar Rahn dan Pusat Perubatan An-Nisa'.

Agensi lain yang turut serta dalam pameran kali ini ialah Perbadanan




Monteri Besar Kelantan (PMBK), Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB BRI), Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Urusetia Pembangunan Insan, Belia, Sukar dan NGO, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan, Yayasan Islam Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongar dan Pupuk Nilai Murni.

Pameran tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad b. Yacob. 



Program Ihya Ramadhan dan Ramah Mesra Bersama Orang Asli

PADA 29 hingga 30 Ogos 2009 bersamaan 8 hingga 9 Ramadhan 1430H, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan telah mengadakan program Ihya Ramadhan dan Ramah Mesra Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bersama masyarakat orang asli di Pos Balar, Gua Musang, Kelantan.


Program selama tiga hari telah disambut mesra oleh penghulu dan muallim serta warga muslim orang asli Pos Balar. Pada kali ini PKINK tidak ketinggalan menyertai program yang dianjurkan dan telah menghantar wakil seramai tiga orang bagi turut serta dalam program berkenaan. Di samping itu, PKINK turut menyampaikan sumbangan berupa barangan bernilai RM2,000. 



Program CSR: PKINK Bantu Usaha Dakwah Orang Asli

MASYARAKAT orang asli terus mendapat perhatian pihak PKINK. Kali ini PKINK telah menghulurkan sumbangan berbentuk namper sebanyak 100 buah bernilai RM3,000 dan sumbangan sebanyak RM10,000 bagi pembinaan Masjid Iklif di Pos Orang Asli Tuel, Gua Musang.

Sumbangan ini telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Haji Mohd Sabri Abdullah dalam program masyarakat orang asli Pos Tuel, Gua Musang bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 11 dan 12 Julai 2009 lalu.

Sumbangan ini merupakan salah satu usaha murni PKINK bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi memberi sokongan kepada usaha dakwah yang dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) kepada masyarakat orang asli di negeri Kelantan. 





PEMBANGUNAN TANAH MILIK PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN (PPLRNK) OLEH SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD. (SLST)

SYARIKAT Ladang Sungai Terah Sdn Bhd (SLST) ialah sebuah syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ikstisad Negeri Kelantan (PKINK) yang menjalankan aktiviti perladangan sejak 1980. Bermula dengan penanaman getah keseluruhannya, SLST telah mengubah operasinya dengan perladangan getah dan kelapa sawit di mana penanaman kelapa sawit bermula pada tahun 1997. Sehingga kini SLST mengekalkan polisinya dengan nisbah 70% kelapa sawit dan 30% getah.


Dengan pencapaian yang agak memberangsangkan dari tahun ke tahun, SLST telah diberi kepercayaan oleh pihak kerajaan untuk memajukan tanah milik kerajaan yang mana pembangunan tanah ini akan merjana pendapatan untuk satu tabung yang dapat membantu rakyat-rakyat miskin di negeri ini.

Pada 13 Mac 2006, satu perjanjian telah ditandatangani antara PPLRNK dengan SLST di mana SLST telah diberi amanah untuk memajukan tanah milik kerajaan seluas 8043 ekar untuk dimajukan dengan tanaman kelapa sawit. Tanah tersebut terletak di Mukim Lubok Bongor, daerah Kuala Balah, Jajahan Jeli dan dikenali sebagai Ladang Rakyat Lubok Bongor (LRLB). Sebagai balasan nya, SLST dikehendaki membuat bayaran kepada Akaun Amanah Peserta di bawah Perbadanan pada kadar RM225 per ekar setahun bagi tahun pertama dan kelima dan sebanyak RM300 ekar setahun pada tahun keenam hingga ke tahun dua puluh lima dan bayaran mesti dibuat pada setiap 31 Januari setiap tahun.



Sehingga kini LRLB telah ditanam dan dijangka mengeluarkan hasil sebahagiannya pada pertengahan 2010. Walaupun LRLB masih belum berhasil setakat ini, pihak SLST sebagai pemegang amanah telah membuat bayaran sumbangan hampir 2 juta setiap tahun sejak tahun 2006.

Pada Disember 2007, satu lagi perjanjian ditandatangani antara PPLRNK dengan SLST di mana SLST sekali lagi diberi kepercayaan untuk membangunkan ladang seluas 4575 ekar di Mukim Kuala Balah, di Jajahan Jeli dan dikenali Ladang Kuala Balah dengan tanaman kelapa sawit. Dengan termaktubnya perjanjian di atas, SLST juga bertanggungjawab untuk membuat bayaran sumbangan kepada Perbadanan pada kadar RM200 per ekar setahun bagi tahun 1-5 dan RM250 per ekar setahun bagi tahun 6-25 dan seterusnya bergantung kepada perbincangan dan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Dengan kedua-dua perjanjian di atas, sehingga kini SLST telah membangunkan seluas 12,618 ekar tanah milik PPLRNK dengan tanaman kelapa sawit dan kedua-dua ladang tersebut sedang giat dibangunkan dengan pengurusan dan penyelesaian anggota kakitangan yang berkecualan dan cekap dari SLST. Walaupun pulangnya tidak seberapa, namun SLST menganggap projek ini sebagai salah satu sumbangan kepada Kerajaan Negeri yang secara tidak langsung sebagai sumbangan kepada pembangunan ummah keseluruhannya. 


Lokasi Ladang





Kursus Bahasa Inggeris

PADA 11 & 12 Ogos 2009, bersamaan 20 & 21 Syaaban 1430H, Pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan kursus Bahasa Inggeris selama dua hari di Perdana Resort. Kursus ini melibatkan peserta di kalangan pegawai dan pembantu tadbir seramai 40 orang daripada Ibu pejabat PKINK dan anak syarikat. Pihak urusetia telah menjemput Dr Dzulkaffli bin Bistamam sebagai fasilitator selaku peneraju Mega Genius Training & Consultancy. Beliau memiliki Master dan Ph.D (TESL) Universiti IOWA, USA.


Semangat dan pengalaman beliau selama 30 tahun dalam bidang ini ternyata membangkitkan minat peserta untuk memberi yang terbaik. Kebanyakan peserta amat berpuas hati dengan teknik serta pendekatan yang dilakukan oleh Dr Dzulkaffli. Kursus tersebut bukan sahaja memudahkan peserta untuk mengingati asas *grammar* menerusi formula yang diciptakan oleh Dr Dzulkaffli. Malah beliau juga banyak menekankan aspek pertuturan dan meminta kesemua peserta yang terlibat bertutur dalam Bahasa Inggeris secara santa. 



Diskusi Buku “Solat, Kebaikannya Dari Perspektif Sains”

PADA 20 Ogos 2009 bersamaan 29 Syaaban 1430H, satu diskusi buku ‘Solat, Kebaikannya dari perspektif Sains’ telah diadakan di bilik Operasi PKINK tingkat 10. Ustaz Azhar bin Abdullah selaku pensyarah di Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS) telah dijemput untuk mengupas topik di dalam buku tersebut. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri bin Abdullah dan penyampaian buku ‘Solat, Kebaikannya Dari Perspektif Sains’ kepada setiap pengurus bahagian. Diskusi tersebut diadakan bersempena dengan pelancaran Ihya Ramadhan bagi tahun 1430H dan bertujuan untuk meryuntik semangat anggota agar menghayati kepentingan solat



secara lebih mendalam. Penyampaian Ustaz Azhar begitu mengesankan apabila beliau menggunakan layar dan tayangan video menerusi komputer riba sebagai alat kesan khas. 





Ceramah Nuzul Quran



14 SEPTEMBER 2009 Satu Ceramah Nuzul Al Quran telah diadakan pada 14 September lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Abdul Fatah Jaafar. Sambutan Nuzul Al Quran adalah bertujuan bagi mengingatkan hari penurunan ayat ayat suci Al Quran kepada Nabi Muhammad SAW pada bulan Ramadhan iaitu bulan yang diturunkan Al Quran, diwajibkan berpuasa dan di dalamnya terdapat satu malam yang sangat mulia dikenali sebagai lailatul qadar.


Ustaz Abdul Fatah dalam ceramahnya telah menyentuh beberapa perkara mengenai penurunan kitab kitab Allah. Menurut nya, selain Al Quran, terdapat banyak kitab kitab Allah yang telah diturunkan kepada nabi nabi dan Rasul, antaranya ialah kitab Taurat, Zabur dan Injil. Semua kita kitab tersebut telah mengalami perubahan yang telah dilakukan oleh manusia, baik dari segi maksud, bahasa dan sebagainya, melainkan Al Quran yang kekal sehingga kini.

Al Quran diturunkan oleh Allah SWT dengan penuh kerahmatan dan segala kebenaran. Antara kehebatan Al Quran, yang tak terdapat pada mana mana kitab ialah:

1. Dari segi bahasa: Dari dahulu sehingga sekarang, melebihi 1400 tahun, Al Quran masih lagi dibaca dalam bahasa arab dan tidak diterbitkan atau dibaca dalam bahasa lain


2. Dari segi perkataan: Ayat ayat yang terdapat di dalam Al Quran juga tidak dapat diubah, ataupun ditokok tambah oleh manusia, mahupun mengubah satu titik atau baris pada ayat ayat tersebut.
3. Mempunyai maksud dan kebenaran yang nyata dan tersembunyi: Daripada kehebatan dan kelebihan ayat ayat Al Quran ini menyebabkan ramai pengkaji pengkaji akur dengan kebenaran Al Quran. Semua penemuan yang baru pada hari ini telah dinyatakan di dalam Al Quran pada 1400 tahun dahulu.

Al Quran berinteraksi dengan manusia melalui pemikiran, supaya manusia mengkaji, mererokai dan membongkar isi kandungan dan kebenaran yang terkandung di dalam setiap baris ayat ayat Al Quran. Tiada seorang atau sekumpulan manusia yang mampu mencipta ayat ayat yang setanding Al Quran. Sesungguhnya benarlah Al Quran itu datang dari Allah SWT, dan dengan sebab inilah ramai pengkaji pengkaji Al Quran dari barat telah meluk Islam.

Al Quran diturunkan Allah SWT melalui tiga peringkat, iaitu bermula di Luhmahfuz, kemudian ke Langit Dunia (sekali gus) dan turun ke Nabi Muhammad SAW sebanyak 290 kali melalui malaikat Jibrail, mimpi dan bunyi (gema). Proses penurunan wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW berlaku selama 23 tahun, iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. 

Ceramah Lailatul Qadar

MENGAMBIL kesempatan dan peluang bulan Ramadhan yang mulia dan penuh keberkatan terutama pada hari sepuluh terakhir Ramadhan, pihak PKINK telah mengadakan satu ceramah Lailatul Qadar pada 26 Ramadhan yang lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK. Penceramah jemputan ialah Al-Fadhil Ustaz Mohd Asri bin Daud dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Program ini merupakan sebahagian dari program pengisian Ramadhan yang telah disusun oleh PKINK bagi memberi peringatan dan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai kelebihan-kelebihan yang dijanjikan Allah pada bulan Ramadhan dan juga pada malam Lailatul Qadar. 





Business Power Talk


KOTA BHARU, 19 Ogos 2009 - Satu ceramah mengenai peluang-peluang perniagaan telah diadakan bertempat di Bilik Operasi PKINK dengan penceramah jemputan yang sudah tidak asing lagi pada masa kini iaitu YM Tengku Asmadi Tengku Muhammad.

Beliau telah menyentuh beberapa perkara termasuklah konsep perniagaan dalam Islam. "Perniagaan adalah merupakan satu ibadah, di samping itu ia juga berupaya menegakkan rukun Islam dan ekonomi orang-orang Islam dengan cara mengeluarkan zakat. Islam menggalakkan umatnya mencari kekayaan, dan dalam masa yang sama menggunakan kekayaannya untuk mencari pahala dan keredaan Ilahi. Kekayaan yang dikumpul mestilah dari sumber-sumber yang halal, tidak bermakna kekayaan seseorang itu sekiranya ia masih memburu wang semata-mata walhal harta yang dimilikinya sudah banyak," jelasnya.

Tambah beliau lagi, seseorang itu akan berjaya sekiranya ia selalu mencari peluang dan merebutnya ketika ada. Sentiasa mencari kelebihan di sebalik masalah yang timbul. Pesan orang bijakpandai, jika kita menerima sesuatu hendaklah dengan ilmu dan menolaknya juga dengan ilmu. Tidak ada jalan mudah atau jalan pintas untuk mencapai kekayaan, jika tidak diri akan tertipu dengan berbagai-bagai skim yang ditawarkan.

Rezeki selalunya dikaitkan dengan kekayaan, walhal lain-air seperti kesihatan, ilmu, kebahagiaan, amal, perkahwinan, anak-anak, kasih sayang dan lain-lain kebaikan yang diterima juga merupakan rezeki dari Allah SWT, tinggal lagi pernahkah kita bersyukur?. Sebagai orang muslim, perbanyakkan amalan seperti sedekah, perkahwin, beramal, memberi makan binatang, solat dhuha dan yang penting tidak meninggalkan amalan wajib akan memucahkan rezeki seseorang itu.

Beliau juga menjelaskan bahawa faktor kejayaan seseorang itu bergantung kepada beberapa perkara, antaranya:

1. **Pengalaman:** Seseorang itu biasanya memperoleh pengalaman kerana disebabkan kegagalan, belajar serta memahami sesuatu yang bermakna dan juga keberanian seseorang itu mengambil risiko dalam melakukan sesuatu perkara.
2. **Peluang yang ada:** Fahami konsep perniagaan yang hendak dijalankan, persediaan modal bukan wang semata, tetap yang penting diri sendiri. Tidak ketinggalan juga sokongan saudara dan kawan-kawan sekeliling.
3. **Latarbelakang syarikat dan pemasaran:** Pilihan perniagaan biarlah memenuhi keperluan semasa dan setempat. Sentiasa membuat keputusan dengan maklumat yang tepat. 



"Perniagaan adalah merupakan satu ibadah, di samping itu ia juga berupaya menegakkan rukun Islam dan ekonomi orang-orang Islam dengan cara mengeluarkan zakat. Islam menggalakkan umatnya mencari kekayaan, dan dalam masa yang sama menggunakan kekayaannya untuk mencari pahala dan keredaan Ilahi."





MAJLIS BERBUKA PUASA DAN TADARUS AL-QURAN

BERSAMA YAB TUAN GURU DATO' MENTERI BESAR



SEMPENA Ramadhan 1430 hijrah, pihak PKINK sebagaimana biasa telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa dan Tadarus Al-Quran peringkat kumpulan PKINK. Pada tahun ini, majlis ini diadakan pada 30 Ogos 2009 bersamaan 9 Ramadhan 1430 lalu bertempat di Surau Tingkat 6, Bangunan PKINK. Pihak PKINK amat bertuah kerana pada kali ini dapat berbuka puasa dan bertadarus bersama dengan Pengerusi Lembaga Pengarah PKINK yang juga Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat. Lebih 120 anggota Kumpulan PKINK telah hadir terdiri dari Anggota Pengurusan, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak, Pegawai-Pegawai PKINK dan juga anggota.

Majlis yang bermula dengan Tadarus Al-Quran dari Surah An-Nahl ayat 120 - 128 iaitu ayat yang dipilih oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk tadarus Al-Quran bagi Ramadhan 1430 hijrah. Tadarus dan tafsir ayat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Hal Enwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Lstaz Shaibon Ismail.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan dalam tazkirahnya telah mengupas panjang tafsir Surah Al-Kahfi dan turut memberi peringatan kepada anggota-anggota kerajaan agar sentiasa mendengar, belajar serta mengambil pengajaran daripada maksud surah tersebut untuk dijadikan amalan dalam kehidupan.





SEMINAR PENGURUSAN ORGANISASI KUMPULAN PKINK

KOTA BHARU, 3 Ogos 2009 - Satu Seminar Pengurusan Organisasi untuk Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi Kumpulan PKINK telah diadakan pada 3 Ogos 2009 bertempat di Dewan Konvensyen Pusat Dagangan Kelantan (KTC), Kota Bharu. Seminar sehari ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran anggota Lembaga Pengarah dan Pengurusan PKINK dalam isu-isu berkaitan pengurusan, ekonomi dan perniagaan serta pengurusan strategik. Seramai tiga orang penceramah telah dijemput bagi membentangkan kertas masing-masing.

Kertas kerja pertama telah disampaikan oleh penceramah dari UiTM, Prof Madya Roslan Abdul Rahim mengenai peluang-peluang perniagaan yang sesuai pada musim gawat. Antara perkara

yang diberi penekanan ialah mengenai peluang perniagaan, kesan kegawatan ekonomi dan bagaimana cara mengatasinya, sifat-sifat utama keusahawanan, jenis-jenis keusahawanan dan analisis syarikat atau perniagaan yang hendak dibangunkan.

Sementara kertas kerja kedua disampaikan oleh Prof Syed Muhammad Fahmi Syed Mansor dari S.M. Fahmi Management Service. Beliau membicarakan mengenai strategik perniagaan



dan organisasi, iaitu Perancangan Strategik dan Pemikiran Strategik.

Kertas kerja ketiga pula disampaikan oleh Prof. Malek Abdul Rahman yang telah membicarakan mengenai perubahan yang perlu dibawa kepada sesebuah organisasi bagi meyakinkan orang ramai. Beliau telah mengulas dan membincangkan beberapa topik yang berkaitan seperti "bagaimana mencari peluang bagi mengubah strategik sejajar dengan arus perubahan, mewujudkan kreativiti dan kemahiran dalam melakukan perubahan untuk halatuju organisasi, inovasi pemikiran, dan bagaimana sesebuah organisasi itu perlu mewujudkan pengalaman.

Seminar sehari tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Haji Ahmad bin Yacob. Dalam ucapan ringkasnya, YB Dato' Timbalan Menteri Besar berharap agar maklumat-maklumat yang diperolehi dari seminar ini dapat direalisasikan untuk sama-sama membangunkan negeri Kelantan, dengan tidak membelakangi syariah. Tegas beliau lagi, konsep Membangun Bersama Islam harus diamalkan dalam setiap organisasi di semua peringkat. 






PKINK SERTAI SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN



KOTA BHARU, 31 Ogos 2009 - Sebagaimana tahun lepas, sambutan perayaan Hari Kemerdekaan tetap diadakan walaupun ianya jatuh dalam bulan Ramadhan. Bagi negeri Kelantan, sambutan secara sederhana turut diadakan yang melibatkan perhimpunan kontinjen-kontinjen dari pelbagai agensi dan Jabatan Negeri dan

juga Persekutuan. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sebagai agensi Badan Berkanun Negeri turut menghantar penyertaan pada kali ini.

Selain berkumpul dalam kontinjen masing-masing, beberapa acara persembahan telah diadakan. Walaupun tiada


pertandingan diadakan, kontinjen masing-masing tetap tampil dengan berbagai gaya dan pakaian seragam yang menjadikan sambutan tetap meriah walaupun berpuasa. Program berakhir pada jam 9.30 pagi, yakni lebih awal daripada tahun-tahun sebelumnya. 



PKINK SAMBUT HARI RAYA SECARA SEDERHANA



Kota Bharu - 19 Oktober 2009 - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya secara sederhana pada tahun ini di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK yang hanya melibatkan anggota ibu pejabat PKINK.

Walaupun ia disambut secara sederhana, PKINK tidak lupa untuk turut menjemput pelanggan-pelanggan yang menyewa Bangunan PKINK untuk turut sama memeriahkan sambutan majlis Hari Raya Aidilfitri pada kali ini. Program yang bermula jam 10.00 pagi dimulai dengan ucapan o eh Ketua Eksekutif PKINK dan majlis bermaaf-maafan sesama anggota. Sambutan agak meriah di mana semua anggota telah hadir dan bersama-sama menyediakan pelbagai juadah mengikut gerai yang diperuntukkan kepada bahagian masing-masing. 



SOALAN:

"...saya memiliki ijazah dan buat masa ini masih bekerja sementara hampir dua tahun di sebuah tadika. Meskipun semakin berminat untuk mengusaha tadika sendiri, saya masih kurang yakin sama ada perniagaan yang bakal diceburi ini sesuai untuk saya. Apakah faktor-faktor yang dapat membantu saya untuk berjaya dalam bidang ini? ..."

JAWAPAN:

Persoalan yang saudara hadapi sebenarnya merupakan salah satu aspek yang merumuskan penemuan tentang faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan sebuah perniagaan perkhidmatan tadika.

Faktor-faktor kejayaan ditakrifkan sebagai sebarang penyebab utama menyumbang kepada kelangsungan (*continuity*) dan keuntungan (*profitability*) sesebuah perniagaan. Faktor-faktor kejayaan boleh dipecahkan kepada dua kategori utama iaitu faktor yang berkait dengan ciri-ciri usahawan dan faktor yang berkaitan dengan ciri-ciri perniagaan sendiri.

1. Ciri-ciri Keusahawanan

Faktor ciri usahawan merujuk kepada perilaku atau keperibadian. Perilaku atau keperibadian seseorang memainkan peranan penting sama ada menyumbang atau merosakkan urusanniaga sesebuah perniagaan. Kategori ciri-ciri usahawan dibahagikan kepada tiga (3) komponen penting. Komponen tersebut ialah aspek pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan tingkahlaku (*attitude*).

Aspek pengetahuan meliputi ilmu atau maklumat yang dimiliki



oleh seseorang yang membolehkan mereka mengurus sesebuah perniagaan dengan jayanya. Manakala kemahiran pula merujuk kepada kebolehan atau kepakaran yang dimiliki oleh seseorang usahawan dan sangat berguna dalam membantu kebolehan mereka mengurus sesebuah perniagaan. Tingkahlaku pula merujuk kepada aspek dalaman diri atau perlakuan seseorang usahawan semasa mengurus perniagaan.

Jadual 1A menunjukkan tentang ciri-ciri penting yang perlu ada pada seseorang usahawan dalam bidang perkhidmatan tadika. Ciri-ciri tersebut menjadi penyumbang utama kepada kejayaan mengurus sesebuah perniagaan perkhidmatan tadika.

Jadual 1A: Ciri-ciri Keusahawanan

CIRI	PERINCIAN
Tingkahlaku	Minat atau sukakan kanak-kanak
	Kerja kuat
	Dedikasi
	Kecekalan/ Kesabaran
	Peramah
	Kelegasan
	Keberanian
Kemahiran	Komunikasi
	Perhubungan Awam / Jaringan niaga
Pengetahuan	Dalam bidang pendidikan kanak-kanak / tadika
	Tentang perilaku kanak-kanak
	Berpengalaman dalam perniagaan

Aspek pengetahuan meliputi ilmu atau maklumat yang dimiliki oleh seseorang yang membolehkan mereka mengurus sesebuah perniagaan dengan jayanya.





Dalam aspek pengetahuan – elemen ini meliputi pengetahuan dalam bidang pendidikan tadika, tentang perilaku kanak-kanak dan berpengetahuan dalam perniagaan. Manakala elemen kemahiran meliputi kemahiran dalam bidang komunikasi interpersonal dan kemahiran komunikasi hubungan atau *business networking*. Dalam aspek tingkahlaku pula ciri-ciri seperti ketegasan, keberanian, minat atau sukakan kanak-kanak, kecekalan/kesabaran, kerja kuat, dedikasi dan peramah menjadi resipi utama kejayaan pengurusan perkhidmatan tadika.

2. Ciri-ciri Perniagaan

Faktor kedua penting ialah ciri-ciri perniagaan itu sendiri. Setiap perniagaan pada dasarnya ada ah berbeza dari segi sifat dan ciri-cirinya. Setiap usahawan perlu mengesan ciri-ciri yang penting yang perlu ada pada sesebuah perniagaan perkhidmatan tacika yang berjaya. Ciri-ciri dominan bagi sebuah perniagaan perkhidmatan tadika yang berjaya dipecahkan kepada empat kategori utama iaitu program atau produk, premis, tenaga kerja dan citra perniagaan (*business image*), seperti di Jadual 2A berikutnya.



Dalam aspek program atau produk yang ditawarkan, faktor kejayaan adalah terdiri daripada kurikulum terkini, aktiviti tahunan, pemakanan dan kaedah pengajaran. Manakala aspek premis pula merujuk kepada lokasi yang strategik, hiasan dalaman perniagaan yang menarik, keluasan kawasan premis dan kebersihan kawasan perniagaan.

Jadual 9.2: Ciri-ciri Perniagaan

Ciri	Perincian
Program	Kurikulum Pendidikan
	Aktiviti Tahunan
	Pemakanan (Halal dan Thoyib)
	Kaedah Pengajaran
Premis	Lokasi Strategik
	Hiasan Dalaman
	Keluasan Kawasan Premis
	Kebersihan Persekitaran (Dalam dan Luar Premis)
Tenaga Kerja	Mutu Kerja (Tenaga Kerja terlatih)
	Sukakan kanak-kanak (semangat kerja berkumpulan)
Citra Perniagaan	Orientasi pencapaian dalam perkhidmatan
	Rangkaian Perniagaan (Jaringan niaga)
	Cawangan tambahan
	Reputasi perniagaan sedia ada
	Perkhidmatan mesra pelanggan

Program atau produk merujuk kepada sebarang bentuk perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. Manakala premis pula merujuk kepada lokasi dalaman dan luaran premis perniagaan. Kumpulan tenaga kerja meliputi tenaga kerja di bahagian pendidikan, pekerjaan dan sokongan. Manakala citra perniagaan adalah merujuk kepada "goodwill" atau nama baik perniagaan itu sendiri.


Dalam aspek program atau produk yang ditawarkan, faktor kejayaan adalah terdiri daripada kurikulum terkini, aktiviti tahunan, pemakanan dan kaedah pengajaran. Manakala aspek premis pula merujuk kepada lokasi yang strategik, hiasan dalaman perniagaan yang menarik, keluasan kawasan premis dan kebersihan kawasan perniagaan. Dalam aspek tenaga kerja pula tuntutan kepada keperluan mempunyai kumpulan tenaga kerja terlatih, mereka sukakan kanak-kanak dan semangat kerja berpasukan menjadi faktor terpenting.

Dari segi citra perniagaan faktor kejayaan yang dikesan ialah orientasi pencapaian dalam perkhidmatan, rangkaian perniagaan, mempunyai cawangan tambahan, reputasi sedia ada dan perkhidmatan yang mesra. Selamat Berjaya! InshaAllah.





TEKA SILANGKATA SIRI 3/09



© Rusli/BPU/TS0309/SF87513

MELINTANG

2. Pusat Pembangunan Komaniran Johor milik Johor Corp bagi latihan dan peningkatan tenaga kerja perindustrian.
3. Perbadanan Industri Berat Malaysia ini bergabung dengan DRB pada tahun 2000.
5. Malawang Kesuluan Eropah (EU).
6. Jenama Aminah Hassan bagi produk-produknya yang dipasarkan di UK, AS dan Australia.
9. Software yang digunakan untuk menjelajah Internet. (Ingg)
10. Nota akujanji hutang yang diterbitkan badan kerajaan atau syarikat untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai sesuatu projek.
11. Syarikat penerbangan rasmi Itali.
12. Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA yang banyak membantu Usahawan bumiputera dalam industri perabot ke luar Negara. (Ingg)
14. Asal perkataan Usahawan dalam bahasa Inggeris dari perkataan Perancis.

KE BAWAH

1. Strategi kompetitif bagi mencipta kelainan sesuatu produk atau jenama agar keunikan nilai mampu mengatasi pesaing (Ingg).
4. Konsep perbankan islam yang merangkumi elemen-elemen akad, perkongsian, modal dan usaha.
7. Selain menjadi alternatif kepada tembakau, tanaman ini kaya dengan fiber dan berfungsi sebagai bahan asas dalam pembuatan biokomposit.
8. Kenderaan berat buatan konglomerat India yang berpusat di Mumbai.
13. Taraf piawai kilang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai penarafan kawaan mutu dan kebersihan yang ketat. (Ingg)

SOALAN DAN JAWAPAN SILANGKATA 2/09

MELINTANG

2. Antara firma global yang menguasai 48% jualan runcit pasar hipot di Malaysia.
5. Pengeluar herba tradisional terkenal di Utara Malaysia.
6. Jenama produk elektrik Malaysia di pasaran antarabangsa.
9. Situasi dalam bajet Kerajaan apabila pendapatan melebihi perbelanjaan (Ingg.)
10. Teguh dan Tahan (Built tough) memaparkan kaitan dengan kenderaan ini.
11. 'Perlutakan' produk perling dalam hati dan minda pelanggan (Ingg).
13. Orang ke-7 terkaya di Malaysia adalah pemilik Yayasan ini.

KE BAWAH

1. Urusan seharian manusia berkaitan dengan aspek ekonomi dan sosial (Arab).
3. Pesaing terdekat Nokia dalam dunia telekomunikasi.
4. Makam pelancongan di Pulau Lagenda, Kedah.
7. Dalam 5S, prosedur ketiga ini bermaksud 'Sapu'.
8. Profesor dan 'Mahaguru Pengurusan' terkenal ini meninggal pada 1 Nov 2005.
12. Rakan pembiaya Usahawan Mikro di Malaysia.





BERITA ANGGOTA PKINK

BELASUNGKAWA

Al-Fatihah buat Allahyarham Haji Mohamad Alwi Ya

TIAP yang bermula pasti akan berakhir, bila sampai masa dan ketika, kita akan dijemput mengacap Allah s.w.t., hanya amil dan doa yang akan mengiringi...



Tanggal 9 Oktober 2009, kira-kira jam 6.50 petang hari Jumaat, Haji Mohamad Alwi b. Ya, Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat) PKINK telah kembali ke rahmatullah ketika genap usia 53 tahun di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian. Beliau dimasukkan ke HUSM pada hari Selasa 6 Oktober akibat masalah buah pinggang. Beliau meninggalkan dua orang isteri dan 8 orang anak, 6 lelaki dan 2 perempuan. Jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Paloh Rawa, Machang, Kelantan.

Sepanjang perkhidmatannya di PKINK selama 28 tahun 10 bulan, beliau merupakan seorang pegawai yang berdedikasi dan komited dengan tugas. Beliau juga merupakan seorang anggota yang aktif dalam persatuan seperti KSK PKINK dan Koperasi PKINK. Beliau seorang yang peramah dan mudah mesra dengan semua anggota. Di saat akhirnya, beliau sentiasa tersenyum dan mesra dengan anggota-anggota PKINK walaupun dalam keuzuran. Mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Pegawai Tadbir dan ditempatkan di Bahagian Binaan & Perumahan pada 1 Disember 1980. Selain berkhidmat di Ibu Pejabat PKINK, beliau pernah dipinjamkan kepada beberapa Syarikat Anak Kumpulan PKINK seperti Usaha Niaga Kelantan Sdn Bhd pada 1 September 1983 sehingga 1 Mei 1987. Dipinjamkan ke Kelrest Holdings Berhad mulai 1 Oktober 1998 sehingga 7 Julai 2001.

Sepanjang berkhidmat di PKINK, beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Sumber Manusia, Pengurus Pembangunan Usahawan dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) mulai 13 November 2007 dan mulai 20 November 2008 sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (HEK).

Semoga roh beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan mereka yang soleh.

PERTUKARAN ANGGOTA PKINK



Mohamed Ismail
daripada
Pengurus Audit Dalam dan Nazran
kepada
Pengurus Pembangunan Usahawan
mulai
1 Oktober 2009



Ahmad Nazri Hj. Ismail
daripada
Pengurus Pembangunan Usahawan
kepada
Pengurus Besar
Prokel Management Sdn Bhd
mulai
1 Oktober 2009



Mohd Asri Sulaiman
daripada
Pengurus Besar
Prokel Management Sdn Bhd
kepada
Pengurus Besar Binaraya PKINK Sdn Bhd
mulai
1 Oktober 2009



Nik Kamil Amrah Nik Ab. Rahman
daripada
Pengurus Besar Binaraya PKINK Sdn Bhd
kepada
Pengurus Audit Dalam & Nazran
mulai
1 Oktober 2009

PERSARAAN ANGGOTA PKINK



SETELAH berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) selama 32 tahun 11 bulan, Puan Nor Riah @ Nor Aslah bt. Wan Ismail telah memilih untuk bersara awal, diusia 56 tahun.

Mula bekerja dengan PKINK pada 1 Januari 1977 sebagai Jurutail dan ditempatkan di Bahagian Pentadbiran, sekarang dikenali bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Pada 1 Mac 1981 beliau dinaikkan pangkat daripada Jurutail Tingkatan III kepada Jurutail Tingkatan I. Sepanjang perkhidmatannya di PKINK beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat UB Consult Sdn Bhd mulai 1 Ogos 1999 sehingga 14 April 2002. Pada 1 Januari 2002 beliau telah dinaikkan pangkat melalui KPSL ke Jawatan Pembantu Tadbir (P/O). Mulai 15 April 2002 beliau ditempatkan di Bahagian Perancangan Korporat sehinggalah memilih untuk bersara awal.

Menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2006.



KE ARAH MENGIBADAHKAN KEHIDUPAN PROFESIONAL - PENTADBIRAN / PENGURUSAN SECARA ISLAM

A. PENDAHULUAN

Pentadbiran Islam seperti yang telah diuraikan ialah suatu proses penglibatan dan pengaoksian pelbagai sumber samada tenaga manusia, benda atau perkara supaya saling bekerjasama dan berfungsi dalam sebuah organisasi ke arah pencapaian sesuatu objektif dan tujuan samada yang bermotifkan keuntungan atau tidak dan ia hendaklah sesuai dan seari dengan ketentuan-ketentuan syariat.

Daripada huraian tersebut terdapat sejumlah ayat yang berbunyi "ia hendaklah sesuai dengan ketentuan-ketentuan syariat". Sesungguhnya, ayat ini mempunyai kepentingan dan pertalian dengan apa yang akan diuraikan nanti.

Oleh kerana pentadbiran mesti sesuai dan selari dengan kehendak-kehendak syariat, maka tentulah pentadbiran Islam mempunyai prinsip-prinsip, kaedah-kaedah dan hukum-hukum tersendiri yang akan menentukan bahawa ianya bertepatan dengan kehendak-kehendak syariat.

Tanpa perkara-perkara ini, pentadbiran Islam tidak akan mempunyai perbezaan dengan pentadbiran moden sekular. Ini kerana, prinsip-prinsip, kaedah-kaedah dan hukum-hukum Islam itu tersendiri. Kesemuanya bersumberkan wahyu Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah dan al-Quran dan al-Sunnahlah yang menjelaskan mengenai kehendak dan ketentuan syariat.

B. TAKRIFAN "KAEDAH-KAEDAH" PENTADBIRAN

Apakah yang dimaksudkan kaedah-kaedah pentadbiran? Sebenarnya kaedah-kaedah pentadbiran itu bersamaan dengan apa yang disebutkan sebagai kaedah-kaedah Fiqh. Kerana itu ia bolehlah

dihuraikan sebagai kaedah-kaedah umum yang disimpulkan daripada nas-nas syarak dan dapat diaplikasikan kepada seluruh permasalahan Fiqh.

Kaedah-kaedah ini digagaskan oleh para sarjana Fiqh (mujtahid) hasil daripada kesungguhan dan inisiatif mereka dalam memahami permasalahan hukum yang berkaitan dengan perlakuan dan perbuatan manusia. Di antara mereka yang terkenal ialah seperti:

- al-Sayuti, Jalaludin Abdul Rahman, al-Ashbah wa al-nazair fi qawaid wa furu' al-syafi'iah.
- Abu Muhammad Izzuddin Abdul Aziz bin Abdul Salam, Qawaid al-ahkam fimasalihin al-anam.



- al-Shaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad, Nail al-atur.
- Ibn Qaiyyin al-Jauziyah, "Ilam al-muwaqqi'in'an rabbi al-'alamin.
- Ibn Nujaim, Zainal Abidin bin Ibrahim, al-Ashbah wa al-nazair 'ala mazhab Abi Hanifah al-Nu'man.

Terdapat berpuluh-puluh kaedah yang telah disimpulkan oleh para mujtahid dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul. Akan tetapi ada pula yang menghadkannya kepada satu sahaja kaedah iaitu kaedah "merdatangkan kemaslahatan". Tetapi apa yang lebih penting ialah, keseluruhan kaedah-kaedah tersebut mempunyai kepentingan-kepentingannya yang tersendiri bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Kaedah-kaedah Fiqh mempunyai

kepentingan yang rapat dengan pentadbiran Islam. Di antara kepentingan-kepentingan tersebut ialah:

1. Kaedah-kaedah Fiqh sebagai kaedah-kaedah umum kepada sesuatu proses pengkelasan hukum. Kaedah-kaedah Fiqh akan bertindak sebagai rujukan atau sandaran kepada seluruh permasalahan yang memerlukan kepada penjelasan hukum. Dalam hal ini, kaedah-kaedah Fiqh yang telah dikodifikasikan daripada berbagai-bagai nas syarak akan dapat diaplikasikan kepada sesuatu permasalahan bagi menentukan hukumnya.
2. Kaedah-kaedah Fiqh sebagai asas penentuan kepada "disiplin pentadbiran Islam". Sebagai satu disiplin ilmu yang dikaitkan dengan Islam, pentadbiran Islam memerlukan kepada kaedah-kaedah tertentu dan tersendiri yang boleh membezakan daripada ilmu pentadbiran moden sekular yang berlatarbelakangkan kepada rasional akal dan idea saintifik manusia sahaja. Kaedah-kaedah ini boleh bertindak sebagai "neraca pertimbangan" dalam menghadapi pelbagai teori, metod, pendekatan yang dianjurkan oleh pentadbiran moden sekular.
3. Kaedah-kaedah Fiqh sebagai "teori dan slogan" dalam amalan pentadbiran atau pengurusan. Ini bermaksud, tercapat ciantara kaedah-kaedah Fiqh yang digagaskan oleh para mujtahid boleh di gunapakai sebagai teori atau slogan. Ini kerana, disamping bertindak sebagai ilmu perantara kepada "ilmu Fiqh" dalam menentukan sesuatu hukum, ia juga boleh, dalam situasi tertentu menjadi slogan pentadbiran untuk ikutan sesebuah organisasi.

C. LIMA KAEDAH INDUK SEBAGAI KAEDAH TERAS KEPADA PENTADBIRAN ISLAM.

Seperti yang telah dinyatakan, terdapat perbezaan pendapat dikalangan para mujtahid dalam menentukan bilangan kaedah



yang sebenar. Namun begitu, terdapat lima kaedah induk yang boleh dijadikan panduan dan asas kepada pentadbiran Islam. Akan tetapi ia tidak pula menafikan kepentingan dan perkaitan kaedah-kaedah lain kepadanya. Kelima-lima kaedah tersebut ialah:

1. Setiap perkara (urusan) adalah berasaskan kepada niat.
2. Keyakinan tidak dapat diatasi oleh keraguan.
3. Kesukaran boleh mendatangkan kemudahan.
4. Kemudharatan hendaklah diiadakan.
5. Adat kadangkala boleh menjadi sandaran hukum.

C.I. SETIAP PERKARA (URUSAN) ADALAH BERASASKAN KEPADA NIAT.

Kaedah ini menerangkan tentang kepentingan niat dalam sesuatu pekerjaan yang hendak dan telah dilakukan. Niat yang terkandung dalam hati sanubari seorang sewaktu melakukan amal perbuatan menjadi kriteria yang menentukan nilai dan status hukum sesuatu pekerjaan yang dilakukan.

Daripada kaedah ini terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian. Perkara-perkara tersebut ialah:

- a. Sesuatu pekerjaan atau urusan yang dilakukan hendaklah disertakan dengan niat. Tanpa tujuan, tumpuan tidak akan dapat diberikan sepenuhnya kepada apa yang hendak dikerjakan. Contohnya, kerajinan seseorang pekerja hendaklah bertujukan kepada sesuatu tujuan atau niat yang baik bukan kerana tujuan yang buruk seperti mengampu, menunjuk-nunjuk atau bermuka-muka. Contoh yang lain, seseorang pekerja yang bekerja untuk mencari rezeki yang halal dengan niat ikhlas kerana Allah disamping menunaikan tanggungjawabnya sebagai ketua rumahtangga. Keperluan menyertakan niat dalam sesuatu kegiatan adalah bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : "Bahawasanya setiap amalan itu hendaklah beserta dengan niat" Namun begitu, niat tidak diperlukan dalam melakukan sesuatu perkara yang haram atau yang tidak mendatangkan faedah.
- b. Niat akan menentukan nilai sesuatu aktiviti. Nilai sesuatu aktiviti yang dilakukan samada baik atau buruk, sah atau tidak sah, halal atau haram akan dapat diukur berasaskan kepada niat.

Contohnya, perbuatan memberikan sesuatu barang kepada orang lain akan menjadi haram jika ianya bertujukan rasuah. Contoh yang lain, teguran seseorang ketua eksekutif kepada pekerja-pekerja bawahan dianggap menjadi suatu amalan yang baik jika bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja mereka, akan tetapi akan menjadi sesuatu yang mendatangkan keburukan jika ia bertujuan untuk menjatuhkan maruah mereka.

- c. Niat yang baik tidak menjadikan semua perlakuan sebagai baik. Walau pun disertakan dengan niat yang baik, tetapi ia tidak dapat menjamin bahawa semua perlakuan kearah menjayakan niat tersebut sebagai baik dan dihalalkan. Contohnya, sesebuah organisasi tidak boleh mengumpulkan duit dengan menganjurkan pertandingan ratu cantik walaupun niatnya adalah untuk memberi sumbangan kepada anak-anak yatim daripada duit yang dikumpul. Begitu juga dengan langkah mewujudkan "loteri kebajikan masyarakat", ianya tidak akan menjadikan perlakuan atau kegiatan itu sebagai sesuatu yang baik kerana ianya berunsurkan perjudian walaupun duit itu akan disumbangkan untuk kebajikan masyarakat.

Dalam hal ini, Islam tidak dapat menerima teori "matlamat menghalalkan cara" (the ends justifies the means) yang dikemukakan oleh Machiavelli. Apa yang penting di sini, niat menjadi kayu pengukur segala aktiviti manusia. Dalam Islam, cara dan matlamat hendaklah bersesuaian dan selari mengikut ketentuan syarak.

C.II. KEYAKINAN TIDAK DIATASI OLEH KERAGUAN

Kaedah ini berkaitan dengan persoalan keraguan yang sentiasa ada dan menjadi lumrah pada setiap individu. Ini sesuai dengan sifat pelupa yang tercapat dalam diri manusia. Namun begitu, terdapat juga dalam diri manusia sifat kebulatan hati, ketepatan tekad, keteguhan pegangan yang boleh membawa kepada keyakinan diri. Oleh itu, kaedah ini boleh dipergunakan dalam menyelesaikan permasalahan hukum hasil daripada kedua-dua sifat ini. Ertinya, apabila terdapat dua keadaan dalam diri manusia, iaitu keyakinan dan keraguan, maka keyakinan akan mengatasi keraguan dalam sesuatu perkara atau hal.

Dalam konteks pentadbiran atau pengurusan, kaedah ini boleh digunakan dalam banyak keadaan. Ia boleh menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan dengan pentadbiran.


"Allah mengkehendakkan kesenangan ke atasmu dan dia tidak mengkehendakki kesukaran ke atas kamu."

Ayat diatas menjelaskan tentang keistimewaan Islam yang sentiasa menganjurkan sesuatu yang terbaik kepada manusia. Manusia tidak akan diberati dengan sesuatu pertanggungjawaban melainkan setakat yang termampu dilakukan oleh manusia. Malah, mereka diberikan pilihan yang lain (untuk dilakukan) jika berhadapan dengan sesuatu yang di luar kemampuan mereka.

Di antara kekecualian yang boleh mendatangkan keringanan dalam sesuatu perkara ialah:

1. Bermusafir
2. Sakit
3. Terpaksa
4. Lupa
5. Kebodohan
6. Kurang mampu
7. Kesukaran umum

Pihak pengurusan hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya apabila seseorang pekerja berhadapan dengan situasi-situasi di atas. Contohnya, seorang ketua jabatan atau pegawai kanan sesebuah organisasi hendaklah bertimbangrasa kepada pekerja bawahan atau sebagainya apabila mereka sakit, terlupa atau terdesak. Oleh itu, pihak pengurusan hendaklah memberikan keringanan atau kemudahan seperti:

1. Keringanan yang berupa pengurangan pertanggungjawaban.
2. Keringanan yang berupa pengurangan pertanggungjawaban.
3. Keringanan yang berupa penggantian pertanggungjawaban.
4. Keringanan yang berupa pemilihan alternatif.
5. Keringanan yang berupa pendahuluan pertanggungjawaban.
6. Keringanan yang berupa pengakhiran pertanggungjawaban.
7. Keringanan yang berupa perubahan pertanggungjawaban. 

Dipetik dari Buku Ubudiyah, Masuliah & Itqan terbitan PKINK.



Importance of Time in the Sunnah

THE issue of time is given deal of attention by the Sunnah literature. Let us explore what the Sunnah says about time.

Time as a Great Blessing

The Sunnah reiterates what the Qur'an says about time. Time is a blessing from Allah, and people are instructed to preserve it and are held responsible for it. The Prophet says, "Health and leisure time are two blessings on which a lot of people are cheated." The Hadith implies: "Only a few benefit from those blessings. For example, some people are healthy, but are not occupied with earning their living. Others want to be rich, but are not healthy enough to work for it. If they do not have health or the desire to seek wealth, they are absolute losers." Such losers are compared to one who buys at a price much higher than that of the market price, but sells at a price much lower.

Also, in that Hadith, "The Prophet compares the case of the Muslim's religious responsibilities to those of the businessman. The businessman has some capital for investment in trade. He wants to make profit and keep his original capital secure. To achieve his objectives, he has to be sure of whom he trades with, has to prove himself trustworthy and has to be clever enough to avoid being an absolute loser. Similarly, the Muslim's capital is health and time, and in his business with Allah, he has to trust in Him completely, resists his own temptations as well as Satan's so that he can gain the benefits of this world and of the Hereafter."

Thus, if one has a healthy body and has no impediment, but does not make the effort to invest his health and time to improve his lot in his world and hereafter, he is an absolute loser in the eyes of Islam.


Time as Great Responsibility

A Muslim's time is a trust for which he has to account on the Day of Resurrection. This view is confirmed by the Sunnah. Of the

questions a Muslim will be asked that Day, two are concerned with time. In one Hadith, the Prophet said, "On the Day of Resurrection the feet of the son of Adam [man] will not move away till he is questioned about four matters: how he spent his lifetime, how he spent his youth, from where he acquired

thing one could do, he replied, "[The compulsory] prayers on time."

Whenever he sighted the crescent, he said, "O Allah, bring with it good things, blessings, safety and Islam. Allah is your God and mine." About the crescent he said, "Start your fast if you sight it [the Ramadhan



his wealth and how he spent it, and what he did with his knowledge." Thus, Muslims will not escape being questioned about how they spent their lives, particularly their youth, as it is the period of strength, vitality and activity. During this period, one's work is more significant than during the other stages. That one will be specifically asked about one's youth – he will be questioned about his life in general – indicates how important the youth stage is.


Time as a Vehicle for Worship

In Islam, the daily prayers, fasting and pilgrimage, as well as other forms of worship, have fixed times within which they have to be performed. If not done within the prescribed time, some of those acts are not valid. The right time is condition for their validity.

The Prophet usually urged Muslims to perform such acts of worship within the specified time. When asked about the best

crescent:], and end your fasting month if you sight it [the Shawwal crescent]

Urging Muslims to wake up during the night for Allah's remembrance, the Prophet said, "Man is nearest to his Lord during the portion of night, so if you can remember Allah at that time, then do it."

Also urging Muslims to take the opportunity of the first ten days of the month of Zulhijjah for doing good deeds, the Prophet said, "There is no work better than that done in those days." "They asked the Prophet: Even better than Jihad (fighting for Allah's cause)?" "He replied: Better than Jihad, except a man who went out, committing body and wealth to fighting for Allah's cause, but neither his body nor wealth returned." 

Source:

Time Management from Islamic and Administrative Perspectives by Dr Khaled Ibn Abdul Rahman Al-Jerajy, Saudi Arabia




MESYUARAT AGUNG KSK PKINK KALI KE 28

MESYUARAT Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (KSK PKINK) kali ke 28 telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 20 Ogos 2009 mulai jam 2.30 petang. Kira-kira 98 orang ahli telah hadir pada sesi mesyuarat agung kali ini. Mesyuarat kali ini tidak melibatkan pemilihan Ahli-Ahli Jawatankuasa yang baru.


Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh Pengurus Pengurusan Sumber Manusia, Haji Mohd Adlan b. Mat Jusoh. Dalam ucapan ringkasnya, beliau menyeru ahli-ahli KSK PKINK agar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab. Menurutnya, walaupun ada sesetengah ahli tidak berminat untuk bersukan, namun mereka boleh melibatkan diri dalam program rekreasi, pelancongan

ataupun program-program yang dianjurkan oleh Biro Dakwah.

Beliau juga berkata, PKINK dalam proses untuk menyediakan bilik gimnasium untuk kemudahan anggota PKINK melakukan aktiviti riadah selepas waktu pejabat. Beliau turut menyeru agar semua ahli sentiasa berkerjasama dan tolong menolong dalam semua hal yang melibatkan program dan aktiviti yang dianjurkan oleh kelab. 

PERLAWANAN BOLA SEPAK ANGGOTA PKINK

SATU perlawanan bolasepak antara anggota Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah diadakan di Padang MPKB-BRI pada 10 Ogos 2009 bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan silaturrahim sesama anggota PKINK terutama antara anggota pengurusan dan juga anggota bawahan. Seramai 44 orang anggota telah terlibat yang terdiri dari anggota pengurusan dan anggota sokongan. Dua pasukan telah dibentuk, iaitu Pasukan Ketua Eksekutif dan Pasukan Timbalan Ketua Eksekutif.

Perlawanan antara kedua-dua pasukan tersebut telah berakhir dengan keputusan seri sehingga tamat permainan dan terpaksa ditentukan dengan sepakan penalti. Sepakan penalti telah berpihak kepada pasukan Ketua Eksekutif dengan jaringan 5-4. Hadiah perlawanan telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah. Dalam ucapan ringkasnya, Ketua Eksekutif berharap dengan program seperti ini bukan sahaja dapat mewujudkan semangat kekitaan tetapi juga dapat melahirkan warga kerja yang sentiasa sihat cari segi rohani dan jasmani, fizikal dan mental. 





PEMAIN PKINK MENGUNGGULI KEJOHANAN BADMINTON DY BROTHERS KELANTAN 2009




KEJOHANAN Badminton DY Brothers Kelantan tahun 2009 telah diadakan di Dewan Badminton Kelantan (PBKN) bermula 13 hingga 15 Ogos 2009. Kejohanan tahunan anjuran Kelab DY Brothers Kelantan itu terbuka kepada semua pemain di

seluruh negeri Kelantan/bermastaulin di negeri Kelantan selama tiga bulan pada hari pertama pertandingan.


Perlawanan dalam acara beregu terbuka dan beregu veteran ini tidak menibenarkan pemain yang pernah mewakili

negeri, SUKMA dan negara dalam tempoh 5 tahun sehingga kejohanan. Kejohanan ini menawarkan hadiah dalam kategori terbuka wang tunai RM1,000.00 untuk johan, RM500 Naib Johan dan RM300 tempat ketiga di samping barangan sukan. Manakala dalam kategori veteran menawarkan hadiah tunai RM600 untuk johan, RM300 naib johan dan RM100 tempat ketiga di samping barangan sukan.

Dalam acara beregu veteran seramai 24 regu telah bermain secara kalah mati. Regu PKINK Mohd Asiff Idris dan Mat Roni muncul johan setelah mengalahkan regu Daniruddin dan Marzuki Yahya pada perlawanan akhir. Sementara itu dalam acara beregu terbuka, regu PKINK Abdul Hafiz dan Mohd Shamrihanim muncul johan setelah mengalahkan regu Mohd Rudzuan dan Wan Mohd Maizuddin pada perlawanan akhir. Seramai 64 regu telah bermain dalam kategori regu terbuka. 

PEMBUKAAN GIMNASIUM DI BANGUNAN PKINK

SEBAGAI satu usaha untuk melahirkan warga kerja PKINK yang sentiasa cergas dan sihat, pihak Pengurusan PKINK telah mewujudkan satu pusat riadah iaitu Gimnasium di Tingkat 6, Bangunan PKINK mulai September lalu. Gimnasium ini dibuka selepas waktu pejabat dari jam 5.00 petang hingga 6.30 petang setiap hari bekerja untuk kemudahan semua anggota PKINK.

Adalah menjadi harapan pihak pengurusan PKINK agar gimnasium tersebut dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh setiap anggota PKINK. 






MENGUAP



Oleh Mohd Kamarudin Mohd Zin pada 2 Ogos 2009



MENGUAP... semua orang menguap termasuk juga saya...tetapi kadangkala kita terlupa ataupun juga kita tidak tahu ataupun kita tidak mahu ambil tahu apakah keburukan menguap. Adapun kalau mengikut hukum, semasa menguap hendaklah kita menutup mulut, ini rasanya kebanyakan orang tahu. Tapi seperkara yang orang jarang berikan perhatian ialah bunyi yang keluar diujung proses tersebut bunyinya pula pelbagai...huargh...huh...haaaah dan pelbagai bunyi menandakan kepuasan melakukan perbuatan menguap ini.

Syaitan sangat menyukai bunyi menyuap bahkan bunyi itu merupakan satu hiburan bagi syaitan, Astaghfirullah...! begitu rupanya. Bukan tidak boleh menguap tetapi jangantalah mengeluarkan bunyi-bunyi tetapi ucapkanlah istighfar selepas menguap supaya kita tidak menjadi kawan syaitan menghiburkan syaitan, sukakah kita bi' a syaitan seronok? Sudahlah seharian hidup kita ini penuh dengan dosa dan maksiat yang kadang-kadang tidak kita sedar sedikit-tidaknya usaha kita yang sedikit ini dapat memperteguhkan dan memulihkan keimanan kepada Allah SWT dan menjauhkan fitnah syaitan. 

PENGORBANAN

PERNAHKAH anda menatap orang-orang yang anda sayang saat mereka sedang tidur? Kalau belum, cubalah sekali saja menatap mereka saat sedang tidur saat itu yang tampak adalah ekspresi paling wajar dan paling jujur dari seseorang.

Seseorang artis ketika di panggung begitu cantik dan gemerlap pun akan tampak polos dan jauh berbeza jika ia sedang tidur. Orang paling kejam di dunia pun jika ia sudah tidur tak akan tampak wajah bengisnya. Perhatikanlah ayah anda saat beliau sedang tidur. Sedarilah, betapa badan yang dulu kuat dan gagah itu kini semakin tua dan lemah, betapa rambut-rambut putih mulai menghiasi kepalanya, betapa kerut-kerut mulai terpahat di wajahnya. Orang inilah yang tiap hari bekerja keras untuk kesejahteraan kita, anak-anaknya. Orang inilah, rela melakukan apa saja asal perut kita kenyang dan pendidikan kita lancar.

Sekarang, beralihlah...Lihatlah ibu anda...Hmm...kulitnya mulai keriput dan tangan yang dulu halus membelai-belai tubuh bayi kita itu kini kasar kerana menempuhi kehidupan yang mencabar demi kita. Orang inilah yang tiap hari menguruskan keperluan kita. Orang inilah yang paling rajin mengingatkan dan memebel kita semata-mata kerana rasa kasih dan sayang, dan sayangnya itu sering kita salah ertikan.


Cubalah menatap wajah orang-orang yang kita cintai...sayangi itu...ayah, ibu, suami, isteri, kakak, adik, anak, sahabat, semuanya....Rasakanlah energi cinta yang mengalir perlahan-

Oleh Norazmah Mat Noor pada 9 Ogos 2009



lahan saat menatap wajah mereka yang terlelap itu. Rasakanlah getaran cinta yang mengalir deras ketika mengingati betapa banyaknya pengorbanan yang telah dilakukan orang-orang itu untuk kebahagiaan anda. Pengorbanan yang kadang-kadang tertutupi oleh salah faham kecil yang entah kenapa selalu saja nampak besar.

Secara ajaib Tuhan mengatur agar pengorbanan itu akan tampak lagi melalui wajah-wajah jujur mereka saat sedang tidur. Pengorbanan yang kadang melelahkan serta memematkan mereka namun enggan mereka ungkapkan. Dan ekspresi wajah ketika tidur pun membantu untuk mengungkap segalanya. Tanpa kata, tanpa suara dia berkata...betapa lelahnya, penatnya aku hari ini*. Dan penyebab lelah dan penat itu?. Untuk siapa dia berpenat lelah tak lain adalah kita...

Suami yang bekerja keras mencari nafkah, isteri yang bekerja keras mengurus dan mendidik anak, juga ruman, kakak, adik, anak, dan sahabat yang telah menemani hari-hari suka dan duka bersama kita. Resapilah kenangan-kenangan manis dan pahit yang pernah terjadi dengan menatap wajah-wajah mereka. Rasakanlah betapa kebahagiaan dan rasa terharu seketika menerpa jika mengingati itu semua. Bayangkanlah apa yang akan terjadi jika esok mereka "orang-orang terkasih itu" tak lagi membuka matanya untuk selamanya. 



JANGAN UNGKIT KEBAIKAN KITA KEPADA ORANG LAIN

Oleh Mohd Khairie Ishak pada 16 Ogos 2009



ADA banyak perkara yang kita tidak boleh lupa. Kita tidak lupa ibu bapa, kita ingat harta benda dan antara yang kita tidak lupa ialah kebaikan yang pernah kita lakukan. Malah, sesetengah daripada kita apabila berjumpa orang yang pernah kita berjasa, teringat jasa kita. Kalau itu yang kita teringat, kita akan sentiasa banyak mengungkit dan mungkin nanti akan ada banyak halangan dalam berhubung sesama manusia.

Mari kita mendengar pesanan dan nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya. Pesannya: "Wahai anakku, hendaklah kamu ingat kebajikan orang dan lupa kejahatan orang. Dan hendaklah kamu lupa kebaikan kamu terhadap orang dan ingatlah kejahatan yang kamu lakukan kepada orang."

Mari kita perhalusi pesanan Luqman di atas.

1. Mengingati segala kebaikan yang dilakukan orang lain kepada kita. Apabila kita ingat kebaikan orang, kita akan berasa kekurangan kebaikan yang kita lakukan kepada orang lain dan kita akan berusaha melakukan kebaikan.
2. Mengingati segala kejahatan yang kita lakukan. Ini supaya kita tidak mengulangi kesalahan dan kesilapan kita terhadap orang lain.
3. Lupakan kebaikan yang pernah kita lakukan. Apa-apa kebaikan yang pernah kita lakukan hendaklah kita lupakan, kerana Allah saja yang dapat menilai ape yang kita buat. Ditakuti nanti, apabila kita sentiasa ingat kebaikan yang kita lakukan, menyebabkan syaitan akan memaut hati kita dan membisikkan supaya mengungkit kebaikan yang pernah dilakukan. Orang yang mengungkit kebaikan yang dilakukan

menyebabkan amalan berkenaan menjadi sia-sia dan tidak bernilai di sisi Allah.

Sabda Rasulullah s.a.w bermaksud:


"Orang yang mengungkit kebbaikannya sama seperti daun kering yang dijilat api."

Betapa ruginya amalan perbuatan terbabit. Habis begitu sahaja hanya dengan sekali ungkitan.

4. Lupakan kejahatan yang pernah dilakukan orang terhadap kita. Sebagai manusia, memanglah susah untuk kita melupakan kejahatan yang pernah dilakukan orang terhadap kita. Bagaimanapun, agama kita menuntut supaya melupakan kejahatan mereka. Kita perlu melawan supaya kita boleh lupakan kejahatan orang lain. Apabila kita melupakan kejahatan dan kesalahan orang lain, kita dapat membantu dan menolong mereka dengan melakukan kebaikan.

Sabda Rasulullah s.a.w bermaksud: *"Orang yang baik ialah orang yang berbuat baik kepada orang membuat baik kepadanya dan membuat baik kepada orang yang membuat jahat terhadapnya."*

Lupakan kejahatan orang terhadap kita. Tiada guna mengingati kejahatan dan kesalahan orang kerana ia boleh merosakkan akal serta kebahagiaan hidup kita, malah menjadikan hidup kita tidak ceria.

Mari lah kita sama-sama mengikhlaskan diri dalam segala tindakan tanpa mengingati dan mengungkit kebaikan yang di lakukan supaya mendapat keredhaan Allah serta kebahagiaan dunia mahupun akhirat. 

FADHILAT SEDEKAH

PERBANYAKKANLAH bersedekah pada bulan Ramadhan, maka berlipat gandalah pahala sempena bulan yang penuh dengan kemuliaan ini. Bersecekah pada bulan Ramadhan dapat menutup kesalahan puasa, diampunkan dosa, dicurahkan rahmat, didekatkan ke syurga, dijauhkan dari azab neraka serta dijaunten daripada bala. Bersedekahlah pada awal hari kerana bala itu tidak akan mencekati orang yang bersedekah. Menurut pendapat Ulama, bersedekah itu bersamaan dengan 10 kepujian, lima di dunia dan lima di akhirat.

Lima di dunia:

1. Menyucikan Harta
2. Menyucikan Rohani
3. Menolak Penyakit




Oleh Siti Bidah Harun pada 6 Julai 2009



4. Dapat menggembirakan orang miskin dan menggembirakan orang mukmin pula adalah semulia-mulia amal
5. Allah meluaskan rezeki untuknya

Lima di akhirat:

1. Dipayungkan oleh Allah pada hari Kiamat ketika sangat panas
2. Diringankan nisab dosa
3. Diberatkan timbangan amalan
4. Mudah ketika melalui titian Sirotoimustaqim
5. Bertambah carjatnya di dalam syurga 



HADIR HATI ADALAH ROH SEMBAHYANG

Oleh Azmi Mohd pada 13 September 2009



SOLAT adalah ibadah utama yang akan dihisap terlebih awal di akhirat kelak oleh Allah SWT, berbanding dengan amalan-amalan yang lain. Sekiranya solat seseorang itu dalam keadaan sempurna, maka barulah dihitung pula amalan yang lain. Menurut pendapat al-Ham al-Ghazali; Tidak syak lagi bahawa tujuan seseorang itu berzikir atau membaca ialah untuk memuji Tuhan, dan yang menjadi tujuan percakapan kita itu tidak lain ialah Allah SWT. Hati manusia itu disebabkan oleh lalai maka ia terdinding dari Tuhan.


Segala percakapan sama ada zikir atau lafaz-lafaz dalam sembahyang adalah ditujukan kepada Allah SWT, namun percakapan itu akan menjadi sia-sia jika tidak disertai dengan hati yang sentiasa ingat akan Allah, kerana hati adalah merupakan perantaraan atau wasilah kepada Tuhan. Bagaimanakah hati boleh jadi perantaraan sekiranya ia dalam keadaan lalai, maka selama itulah segala bacaan itu tidak sampai kepada Tuhan. Dengan sebab itu ia tidak akan dapat 'syuhud' bersaksi kepada Tuhan atau melihat Tuhan dalam erti kata melihat dengan pandangan hati.

Hati diciptakan oleh Allah SWT untuk mengenal dan melihat Tuhan, namun tidak mungkin hati dapat syuhud kepada Tuhan sedangkan dia dalam keadaan lalai. Sebab itulah ketika Nabi Musa a.s. diperintahkan supaya bertemu dengan Firaun, dia tidak minta benda lain tetapi dia mohon kepada Tuhan suatu alat untuk berdakwah seperti yang dijelaskan dalam surah Taha ayat 25 yang bermaksud: "Wahai Tuhanku lapangkanlah untukku dadaku."

Dengan doa Nabi Musa a.s. itu bertiada baginda memohon bantuan dari

Tuhan agar dengan hati yang lapang itu ia dapat melaksanakan tugas dakwah yang besar itu. Tidak mungkin dapat dilaksanakan tugas bertemu dengan Firaun, bagi melaksanakan kerja dakwah terhadap seorang yang sangat memusuhi ajaran Allah, jika pergi bertemu dengan hati yang berserabut. Bertakwah terhadap Firaun tidak mungkin terlaksana jika dengan hati yang lalai, kerana ucapan dari hati yang lalai itu walau sehebat mana sekalipun sehingga berhari-hari berdakwah, namun tidak ada kesannya.

Orang yang hati lalai di dalam solatnya, meskipun lidahnya bergerak menyebut lafaz zikir dan ayat Fatimah atau surah, namun gerak lidahnya itu bukan dari dorongan hati. Ia hanya bergerak disebabkan kebiasaan, sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan tentulah akan mudah terkeluar dari mulut mereka. Tetapi alangkah jauhnya dari tujuan solat yang difardukan oleh Allah SWT itu, kerana yang dikatakan solat itu ialah hadir hati ketika melakukan ibadah tersebut iaitu hati tidak lalai dari mengikuti setiap perkataan dari perbuatan yang dilakukan dalam solat. Hadir hati di dalam solat itu merupakan nyawa kepada solat tersebut. Sesungguhnya sesiapa yang tahu rahsia maka dengan sendiri ia harus tahu bahawa lalai itu ialah lawan bagi solat, maksudnya ialah bercanggah dengan tujuan solat seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT iaitu: "Dirikanlah solat untuk mengingati - Ku (Allah)."

Kesimpulannya hati yang sentiasa ingat dan mengikuti segala perbuatan dalam solat adalah menjadi nyawa kepada solat tersebut. Apabila hati sentiasa lalai maka solat itu hanya tinggal rangka saja, sedangkan rohnya sudah melayang. 

DITIMPA MUSIBAH / KESUSAHAN



Oleh Hasnah Ahmad pada 11 Oktober 2009

SETIAP seorang pasti mengalami kesusahan dalam kehidupannya. Samada kehilangan orang yang disayangi, masalah kewangan, kesihatan, rasa disakiti sesama manusia dan banyak lagi. Namun kita hendaklah selalu menguatkan keyakinan diri dan meyakini bahawa musibah atau kesusahan itu adalah datang dari Allah.


Disebalik kesusahan diberi kepada kita ada tujuan antaranya adalah:

- Untuk menguji ketabahan serta kerelaan hati kita.
- Supaya kita muhasabah diri sendiri (bukan muhasabah orang lain, jadi mengumpat pulak)
- Kerana Allah ingin mendengar permohonan dari kita iaitu doa, pada kebiasaannya seseorang yang dalam kesusahanlah yang banyak berdoa dan mengingati Allah.

Antara beberapa tip untuk menenangkan seseorang yang dalam kesusahan adalah:

1. Menyedari bahawa dunia ini tempat ujian dan bukan tempat untuk bersenang-lenang sahaja.
2. Hendaklah seseorang yang dilimpa kesusahan itu melihat kepada orang lain yang dilimpa kesusahan yang lebih teruk.
3. Bersyukur akan banyak lagi nikmat Allah yang sentiasa kita nikmati sepanjang masa selain kehilangan nikmat yang menyusahkan kita itu.
4. Berharap akan ganjaran dari Allah sebagai ganti di atas musibah yang diberikan itu.
5. Hendaklah kita faham bahawa musibah yang diberi itu adalah bersifat sementara sahaja. Samasamalah kita ingat bahawa hanya Allah saja yang kekal perkara lain tidak kekal melainkan selepas mati kekal lah kita.
6. Di sebalik kesusahan yang ditanggung itu ada hikmatnya.
7. Banyak-banyak lah mengingati Allah dengan berzikrullah.
8. Sekiranya kita bersabar dan redha di atas kepayahan yang ditanggung Insya Allah akan digugurkan dosa-dosa. Sesuai dengan firman Allah dalam surah Ar-Ra'd ayat 24 :- bermaksud :-

"KESEJAHTERAAN DAN KEBAHAGIAAN BAGI SEMUA KERANA TELAH BERSABAR DALAM MENTAATI ALLAH DAN MENERIMA CUBAANYA. SYURGA SEBAIK-BAIK TEMPAT KESUDAHAN."

Sekian, Terima Kasih. 



PEJABATKU, MIHRAB IBADATKU

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

SETIAP kali kaki melangkah ke pejabat apakah perkara pertama yang kita fikirkan? Adakah fikiran kita kosong, khayal dan penuh angan-angan? Sebaik sahaja kita menjejakkan kaki ke lantai pejabat dan duduk di kerusi, apakah perkara pertama yang kita lakukan? Bergerak ke kantin dan makan terlebih dahulu? Atau duduk di kerusi dan berbual kosong? Atau terus termenung sambil berangan-angan tentang kenaikan pangkat? Adakah kita begitu?

Kita sering bercakap soal Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan namun apakah hal-hal itu kita faham dan terjemahkan dalam gaya kerja seharian kita. Adakah gaya kerja kita mengikut lunas Islam atau tidak? Atau kita ini sebenarnya masih tidak tahu apakah itu gaya kerja Islam?

APA MOTTO KITA?

Jika kita pernah mendengar motto 'Rumahnya Syurgaku' ada baiknya kita alihkan ia menjadi 'Pejabatku Syurgaku'. Ramai orang tidak berhasrat menjadikan bilik kerjanya sebagai tempat dia mendapat pahala dan keredhaan Allah. Bukan kerana mereka tidak mahu, tetapi kerana mereka tidak tahu. Mungkin disebabkan kefahaman yang kurang atau tidak berilmu, akhirnya pejabat yang diduduki seharian suntuk itu tidak memberi apa-apa kebaikan dari aspek ukhrawi.

Motto U.M.I. adalah suatu falsafah kerja Islam yang boleh diterjemahkan oleh semua orang mengikut kesesuaian masing-masing. Seharusnya setiap pekerja muslim berfikir dan menjadi kreatif untuk mengisamisasikan budaya kerja dan memastikan pahala dan kebajikan itu bertali arus sekalipun dalam kesibukan mencari rezeki dunia.

Berpagi-pagi Dengan Zikrullah

Harus kita ingati bersama, waktu pagi adalah waktu paling berharga di sisi agama. Atas sebab itu, Islam mengesyorkan agar umatnya tidur awal dan bangun awal. Kerana bangun awal itu dapat meluaskan pintu rezeki dan memberi banyak impak positif kepada pemikiran dan jiwa. Jika kita melihat di dalam Al-Quran terdapat beberapa Surah yang mana Allah SWT bersumpah dengan waktu pagi. Antaranya :

Dan demi waktu fajar (Diwaktu terbit

mentari)

(Surah ad-Dhuha : Ayat 1)

Dan demi matahari (Kala pagi) dan demi waktu dhuha.

(Surah Asy-Syams : Ayat 1)

Dan demi waktu dhuha (Ketika matahari setinggi sepenggalahan)

(Surah ad-Dhuha : ayat 1)

Ketiga-tiga petikan ayat tersebut adalah ayat pertama daripada tiga Surah berbeza. Ini adalah penekanan bahawa waktu pagi adalah waktu berkualiti yang perlu dimanfaatkan oleh semua insan dalam merebut rezeki dan kelebihan yang ada di bumi Allah SWT. Adalah menjadi suatu kerugian jika pada pagi hari ini seseorang itu tidur atau tidak membuat sebarang kerja.

Sewajarnya mereka memulakan amalan pada pagi hari itu dengan zikrullah iaitu mengingati Allah. Gunakan sedikit masa untuk melakukan amalan sunat seperti :

- 1) Membaca beberapa potong ayat Al-Quran. Paling minima sekadar 10 ayat.
- 2) Membuat solat sunat dhuha. Paling minima sekadar 2 rakaat.
- 3) Bersedekah sama ada senyuman, wang atau makanan.
- 4) Bercakap perkataan yang baik, samada bertanya khabar atau memberi salam.

Empat perkara ini tidaklah berat dan ia tidak mengambil masa yang banyak untuk melakukannya. Andai dibandingkan waktu makan serta berbual dengan waktu membaca al-Quran, sudah pasti waktu makan kita lebih panjang. Jadi, apa salahnya jika kita agihkan masa berbual itu kepada masa membaca al-Quran dan bersolat sunat dhuha.

Apabila seseorang memulakan waktu pagi harinya dengan empat perkara tadi, dia akan dipermudahkan dalam banyak perkara. Dalam masa yang sama, perkara buruk akan terhindar daripadanya dengan izin Allah SWT. Lihat bagaimana Islam menjaga pemikiran dan fizikal seseorang menerusi amalan hidup beragama. Ia bukan sahaja memberi kebaikan batiniah, malah ia akan memberi momentum terhadap lahiriah seseorang pekerja muslim.

BERPANTANG AKTIVITI LAGHA

Musuh zikrullah ialah kelalaian ataupun lagha. Seringkali seseorang individu memulakan hari dengan perkara yang santai. Itu tidak salah, namun jangan sampai melalaikan kita dari mengingati Allah. Antara perkara pantang untuk dilakukan seorang muslim apabila dia memulakan kerja atau bergaul dengan manusia ialah :

- 1) Bermasam muka dan merungut-rungut tentang ketidakpuasan hati.
- 2) Menggunakan talian pejabat untuk menelefon rakan untuk berbual kosong.
- 3) Menghisap rokok dan melepek di kafeteria.
- 4) Memasang radio dan mendengar lagu-lagu hiburan.
- 5) Bermain permainan komputer atau 'chatting' di ruang siber maya.

Lima perkara ini sewajarnya dielakkan sebaik memulakan kerja di pejabat. Jika boleh dikikis dan diuang terus juga ada baiknya. Seandainya ia menjadi budaya dan amalan kerja kita, berarti kita berada di dalam zon yang lesu dan tidak fokus.

Sedangkan hadis nabi menyebut "Sesungguhnya Allah menyukai hamba yang apabila dia bekerja dia bersikap fokus(itqan)". Pekerja muslim yang produktif dan efisien adalah pekerja yang sentiasa fokus dan tidak banyak membuang masa. Seandainya berlaku sebaliknya, ini amat bertentangan dengan kehendak Islam.

Oleh itu, perhatikan lima perkara tersebut, adakah kita pernah melakukannya sewaktu memulakan kerja? Sebaiknya apabila kita membuka buku amalan untuk hari yang baru, pastikan kita menjauhi perkara makruh dan menolak dosa kecil. Biarlah permulaan hari itu menjadi lancar dan momentumnya akan bertahan sampai ke petang.

Dibimbangi, jika kita berpagi-pagi dengan perkara makruh dan dosa kecil. Akibatnya jiwa kita lesu dan semangat kita pudar. Akhirnya langkah kita goyah dan kerja kita tidak berkualiti. Oleh yang demikian, menerapkan budaya U.M.I. itu memerlukan kepekaan dan kefahaman dari semua aspek. Terutamanya aspek budaya kerja dan cara kita memulakan kerja di pejabat.





ISTIGHFAR; KUNCI LIMA PINTU

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

Warna Kehidupan

BUMI mana tidak pernah ditimpa hujan? Kkadang hari yang panas terikpun gerimis tetap datang mengundang. Ini adalah suatu perumpamaan yang sinonim dengan hidup manusia yang tidak pernah sunyi dari permasalahan dan kesulitan. Orang muda atau tua, orang bujang atau berkeluarga. Masing-masing diberi ujian berdasarkan tahap kehidupan tersendiri dan mengalami pasang surut dalam pergaulan sesama manusia.

lagi tergigit, inkan pula suami isteri'. Justeru, keseluruhan warna-warni kehidupan berbagai ragam yang mencorak kanvas hidup anak adam ini perlu dihadapi.

Jangan Abaikan Agama

Dalam proses mencari penyelesaian terhadap kesulitan tersebut, kebanyekan orang akan mudah melakukan kesilapan secara sengaja atau tidak. Disebabkan kejahilan atau kekurangan maklumat, manusia sering tersalah langkah dalam menangani sesuatu situasi. Sebahagian

seperti membunuh atau merompak, namun pasti akan terselit juga kesalahan kecil seperti mencerca dan mengumpat. Terutamanya dalam mengharungi kehidupan rumahtangga, banyak asam garam yang perlu dilalui. Sudah tentu akan wujud pertikaian dan konflik dalam meneruskan kelangsungan sebuah perkahwinan.

Kemestian Berbuat Silap

Sejajar dengan itu, kita amat dituntut memohon ampun kepada Allah SWT. Ini kerana tiada seorangpun dikalangan

Dosa dan maksiat adalah elemen yang menutup pintu rezeki dan menyusahkan perjalanan hidup seseorang. Penyucian diri daripada dosa itu adalah proses penting untuk kecemerlangan hidup setiap manusia. Atas sebab itu, nabi menegaskan bahawa semua orang akan tersilap. Semua manusia pasti akan membuat dosa samada kecil atau besar



Permasalahan akan sentiasa mengherang setiap individu dalam tahap yang bervariasi. Orang bujang biasanya diuji dengan rezeki yang sempit, susah mencari jodoh dan keliadaan harta. Orang berkeluarga pula ada yang diuji dengan ketegangan hubungan suami isteri, masalah anak-anak serta keliadaan zuriat. Dalam hal ini tiada manusia yang terkecuali 'No body perfect!' Kalau ada yang mendabik dada mengatakan mereka hidup senang lenang tanpa sebarang kesulitan, pasti orang itu berbohong. P Ramlee pernah menyanyikan lagunya 'Sedangkan lidah

yang bergema Islam dengan sengaja mengabaikan ajaran agama. Akibatnya, masalah mereka bertambah buruk dan semakin membebankan. Penyelesaian yang mereka harapkan menjadi sebaliknya dan mereka kian buntu. Rahmat yang mereka tunggu itu akhirnya bertukar menjadi laknat. Pahala yang mereka buru itu akhirnya menjadi dosa. Kerana apa? Kerana mereka merujuk jalan penyelesaian tanpa kembali kepada syariah Allah.

Secarlah, setiap hari kita melakukan kesilapan. Kecil atau besar. Sikit atau banyak. Mungkin kita tidak melakukan jenayah

kita yang sunyi dari berbuat kesalahan ataupun dosa. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW :

Setiap anak adam itu akan berbuat silap. Dan sebaik-baik orang yang tersilap itu ialah yang bertaubat.

Dosa dan maksiat adalah elemen yang menutup pintu rezeki dan menyusahkan perjalanan hidup seseorang. Penyucian diri daripada dosa itu adalah proses penting untuk kecemerlangan hidup setiap manusia. Atas sebab itu, nabi menegaskan bahawa semua orang akan tersilap. Semua manusia pasti akan membuat



dosa samada kecil atau besar. Justeru, ia tidak boleh diambil mudah atau dibiarkan sahaja. Malah dosa dan maksiat ini disyorkan agar segera bertaubat dengan cara beristighfar ataupun memohon doa dengan sungguh-sungguh kepada Allah agar diampunkan dosanya.

Membuka Lima Pintu

Istighfar atau mohon ampun sebenarnya mempunyai banyak kelebihan selain ia mampu menghapuskan dosa. Ia bukan sekadar rawatan khas untuk menghilangkan masalah spiritual. Dalam masa yang sama, ia juga akan memberi kebaikan yang banyak kepada individu tersebut.

Firman Allah SWT :

Maksudnya: **Maka aku (Nuh) berkata (kepada kaumnya) mohon ampunlah kamu semua kepada tuhan kamu kerana dia sesungguhnya Maha Pengampun (10) Lalu (dengan keampunan itu) dia akan memperjalankan awan di atas kamu secara bergantian (menurunkan hujan) (11) Memperbanyakkan harta dan meramaikan anak-anak, dan menyuburkan bagi kamu kebun-kebun dan mengalirkan untkmu sungai-sungai (12)**

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa istighfar atau memohon keampunan itu akan memberi impak kepada kehidupan seharian kita. Ia akan membuka lima pintu yang diperuntukkan oleh Allah kepada orang yang bertaubat. Antara keberuntungan orang yang membersihkan dirinya daripada dosa dan merawat spiritual akan mendapat beberapa perkara berikut :

(1) **Pintu Hujan Rahmat:** Keampunan dari dosa akan menjadikan sesuatu tempat itu dirahmati. Allah akan menurunkan hujan rahmat dan menjadi awan di atasnya sentiasa meneduhi penduduk di tempat itu. Keampunan dari dosa akan mewujudkan suatu atmosfera yang selesa dan iklim yang baik. Sebaliknya, jika masyarakat

itu banyak melakukan maksiat pasti hujan akan tertahan dari turun. Keadaan akan menjadi panas dan bertambah buruk.

Pintu Kekayaan: Keampunan dari dosa akan menambahkan rezeki dan harta. Dosa adalah sekatan kepada jalan rezeki. Dosa juga menyebabkan kebuntuan idea dan sempit pemikiran. Apabila seseorang itu bersih dari dosa, dia akan diberikan



ilham yang luas. Fikirannya akan dapat merancang dan berfikir dengan terang. Ini akan menjana kreativiti dan ideanya. Pasti akan terhasil banyak keuntungan dari idea-idea tersebut.

Pintu Zuriat: Keampunan dari dosa akan meramaikan ahli keluarga. Ramai di sini berti bertambahnya anak-anak dalam keluarga atau makin luas hubungan silaturrahim dengan orang sekeliling. Dalam hal ini, Allah SWT akan memperbaiki hubungan individu dengan manusia sekitarnya dan memudahkan urusan dengan orang sekeliling.

Pintu Kesuburan Tanah: Keampunan dari dosa akan menyuburkan tanah dan tanaman. Jika

tadi Allah SWT menyebut akan memberkati penduduk setempat dengan menurunkan hujan. Kali ini Allah akan menyuburkan bumi dengan tanaman dan pepohon yang baik.

Pintu Air & Sungai: Dalam masa yang sama Allah akan mengalirkan sungai dan menjauhkan ia dari kekeringan. Ini bermaksud, penduduk yang beristighfar akan mendapat kemudahan makan-minum. Sumber makanan mencukupi dan mereka tidak perlu risau soal kebuluran. Mereka ada kebun-kebun dan sumber minuman yang cukup.


Cuba kita perhatikan, bagaimana istighfar itu berkait dengan alam dan fizikal. Ini adalah jaminan dan suatu pengajaran dari Allah SWT. Ramai manusia tidak menyedari bahawa Alam ini berkait rapat dengan istighfar. Justeru kita akhirnya memahami bahawa semakin ramai manusia yang merawat rohaninya dengan istighfar, makin ramai manusia yang bersih jiwa dan nubarnya, makin makmur alam ini dengan rahmat dan rezeki.

Penutup

Sinonim dengan itu, kita perlu memahami bahawa istighfar juga mempengaruhi

tempat kerja dan peribadi seseorang. Jika ramai pekerja di sesebuah syarikat atau agensi menjaga amalan beragama. Menjauhi dosa dan sentiasa membersihkan diri dari maksiat. Pasti Allah akan menjadikan syarikat itu makmur dengan rahmat, selesa, makin bertambah rezeki dan lancar urusan. Siapa yang akan untung? Diri kita juga kan?

Sebaliknya, jika kita tidak merawat spiritual sendiri, ia bukan sahaja menyusahkan diri kita malah memberi impak pada suasana sekeliling. Dosa yang kita lakukan tanpa memohon ampun akan menjadi punca kelesuan, masalah dan kesempitan rezeki untuk diri kita serta orang sekeliling. Atas sebab itu, merawat spiritual adalah sesuatu yang dimestikan. Jika kita cnggan, bercerti kita menempah kehidupan yang sukar dan sempit.



PAKEJ
SEMINAR

HARGA PROMOSI
RM 55^{SEORANG}

PAKEJ
PERKAHWINAN

HARGA PROMOSI
RM 25-60^{SEORANG}

MAJLIS
JAMUAN

HARGA PROMOSI
RM 40-60^{SEORANG}

MEMUATKAN SEHINGGA 1000 ORANG

UNTUK TEMPAHAN **09 747 1222**

DEWAN PAMERAN
MEMUATKAN SEHINGGA 40 BOOTH

DEWAN MESYUARAT
MEMUATKAN SEHINGGA 100 ORANG

FAMILY

HARGA PROMOSI
RM 300^{BERSIH}
HARGA TARIFF 340.00 BERSIH

STUDIO

HARGA PROMOSI
RM 160^{BERSIH}
HARGA TARIFF 220.00 BERSIH

SUPERIOR
DELUXE

HARGA PROMOSI
RM 200^{BERSIH}
HARGA TARIFF 240.00 BERSIH

UNTUK TEMPAHAN **09 747 1222**

- Harga bilik adalah dalam Ringgit Malaysia
- Harga adalah termasuk caj perkhidmatan 10% dan cukai kerajaan 15%
- Harga adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis
- Masa daftar : 2.00 petang
- Masa daftar keluar : 12 tengahari
- Tempahan tanpa sebarang bayaran deposit akan hanya dirizab sehingga pukul 6.00 petang
- Kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun tinggal bersama tidak dikenakan caj
- Jaringan internet tanpa wayar (wi-fi) disediakan di lobi